



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II Bil. 18 Hari Jumaat 2hb Disember, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) (Ruangan 40)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 92)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 2hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA - PEMBINAAN

1. Dato Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar tapak pembinaan Universiti Islam Antarabangsa akan dipindahkan daripada kawasan hutan simpan Janda Baik ke kawasan Ladang Bentong, Jalan Raub. Jika benar:-

- (a) mengapa Kerajaan bercadang memindahkan daripada kawasan yang asal yang telah dikenalpasti sesuai dengan lokasinya; dan
- (b) adakah dengan perpindahan kawasan tersebut melibatkan tanah hak milik perseorangan. Berapa luaskah tanah perseorangan yang akan terlibat dan jumlah wang pampasan yang akan dibayar oleh Kerajaan jika perpindahan tapak ini terjadi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar tapak pembinaan Universiti Islam Antarabangsa dipindahkan ke Ladang Bentong. Tapak yang baru yang dikenalpasti ialah di Bukit Pelasong. Paip Bentong. Perpindahan ke tapak baru adalah selaras dengan dasar Kerajaan mengagihkan Institusi Pengajian Tinggi ke seluruh Malaysia serta sebagai penggerak pembangunan, terutama kawasan-kawasan yang kurang maju. Dengan itu juga dapat mengagihkan pembangunan kepada tempat-tempat yang belum menikmati kemudahan serta membangunkan kawasan-kawasan di tanah tinggi yang mana terdapat cadangan projek

lain seperti pembinaan Lebuhraya Genting Highland-Bukit Fraser dan secara tidak langsung hasil dari pembangunan tersebut dapat menggalakkan industri pelancongan.

Oleh kerana tapak yang baru ini adalah kepunyaan Kerajaan Negeri, maka tidaklah melibatkan bayaran pampasan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, mengenai perpindahan ini berapakah jumlah wang yang akan dibelanjakan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbelanjaan yang lebih. Telah kita katakan tadi ini tidak melibatkan bayaran pampasan apa-apa juga.

BELIA SEBAGAI PEMILIH - MEWAJIBKAN PENDAFTARAN

2. **Cik Norani binti Haji Beluah** minta Perdana Menteri menyatakan tidakkah pihak Kerajaan bercadang bahawa setiap belia di negara ini yang telah berumur 21 tahun hendaklah diwajibkan mereka berdaftar sebagai seorang pemilih, jika mereka tidak, menunaikan, tugas dan tanggungjawab tersebut denda hendaklah dikenakan terhadap mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan belia-belie yang berumur 21 tahun ke atas mendaftarkan diri sebagai pemilih. Dalam sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi berparlimen, rakyat seharusnya diberi kebebasan untuk mendaftarkan diri sebagai pemilih. Jika pendaftaran diwajibkan masalah akan timbul untuk menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan penguatkuasaan itu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Jabatan Perdana Menteri mengadakan angka ataupun statistik jumlah bilangan rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun tetapi tidak didaftarkan sebagai seorang pemilih?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidaklah dapat untuk memberikan maklumat-maklumat yang lengkap mengenai berapakah jumlah para belia yang berumur 21 tahun ke atas yang tidak mendaftarkan diri sebagai pemilih kerana ini adalah bukan menjadi urusan pihak Suruhanjaya Pilihanraya untuk mendaftarkan mereka yang tidak berdaftar sebagai pendaftar pemilih.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan bercadang buat satu Rang Undang-undang, dengan izin, 'compulsory voting' untuk kepentingan negara?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah umumkan bahawa Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengadakan 'compulsory voting' ataupun satu pengundian mengundi secara wajib ke atas rakyat Malaysia kerana jika sekiranya kita mengadakan undang-undang ini juga, ianya akan melibatkan penguatkuasaan yang begitu sukar untuk dijalankan oleh Kerajaan kerana mungkin begitu ramai jumlah orang-orang yang tidak keluar mengundi, kerana setakat ini jumlah orang-orang yang keluar mengundi hanyalah di antara 70% hingga 75% yang paling tinggi dalam negara kita. Jadi, 25% lagi jumlah rakyat Malaysia yang mendaftar sebagai pemilih tetapi tidak mengundi. Sudah pasti, bayangkanlah betapa susahnyanya Kerajaan hendak mengambil tindakan kalau sekiranya undang-undang ini diwujudkan di negara kita.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri jika sekiranya Kerajaan mewajibkan umur 21 tahun ini sebagai pemilih adakah berkesannya setiap warganegara Malaysia benar-benar tahu tanggungjawabnya sebagai ahli warganegara Malaysia dan di

samping itu dia benar-benar jatuh perasaan cinta kepada negaranya untuk menentukan satu-satu parti memrintah dalam negara ini.

Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jika sekiranya Kerajaan mewajibkan nampakkah kesannya bahawa kita akan terdapat belia-belia, khasnya rakyat seluruh Malaysia akan benar-benar bertanggungjawab kepada negara ini sebagai pemilih dan juga benar-benar akan cinta kepada negaranya untuk menentukan Kerajaan yang dipilih itu benar-benar berkesan kepada rakyat?

Tuan Othman bin Abdul: Sebenarnya itulah falsafahnya. Kita tidak mengenakan undang-undang mewajibkan pendaftaran pemilih dan juga kita tidak mengenakan undang-undang yang menguatkuasakan untuk mewajibkan pengundi, kerana soalnya kita ingin menyedarkan rakyat. Kalau kita mengadakan undang-undang sudah pasti undang-undang ini sebenarnya mendorong mereka untuk menjadi pemilik dan mendorong mereka untuk menjadi pengundi. Jadi, sekarang ini kita berkehendakan, kalau ada badan-badan politik, semua Ahli-ahli Yang Berhormat menjalankan satu kempen dalam masyarakat untuk menyedarkan rakyat betapa pentingnya ia menjadi seorang pemilih dan mengamalkan pengundian di hari Pilihanraya. Insya Allah, kita akan melihat masyarakat Malaysia akan menjadi satu masyarakat yang bertanggungjawab tentang kewajipan mereka dan tugas mereka sebagai seorang rakyat dan warganegara untuk memilih Kerajaan yang mereka sukai.

SIJIL KOLEJ TAR

3. **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa diploma-diploma dan sijil Kolej TAR tidak diakui oleh Kerajaan, sedangkan tiap-tiap tahun Kerajaan memberi bantuan separuh daripada tanggungan kolej dan kebanyakan daripada pelajar-pelajar kolej adalah warganegara Malaysia. Nyatakan bilakah ia akan diakui oleh Kementerian Pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan iaitu kelayakan dan kelulusan untuk memasuki Perkhidmatan Awam hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan. Pengiktirafan ini diasaskan

kepada:

- (a) keperluan satu-satu bidang itu di dalam Perkhidmatan Awam;
- (b) mutu pelajaran tersebut serta kesesuaian untuk mengendalikan tugas dalam jawatan berkenaan.

Cara-cara pengiktirafan ialah melalui kajian terhadap kandungan kurikulum, kedudukan para akademik institusi yang mengeluarkan kelulusan itu serta kelengkapan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada para pelajar. Kajian ini dibuat oleh badan-badan yang mengandungi keahlian-keahlian yang berkaitan.

Jika diperakukan oleh badan-badan tersebut, barulah pengiktirafan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

Oleh yang demikian, soal pengiktirafan bukanlah menjadi hak institusi pengajian tinggi, sama ada dalam negeri mahupun luar negeri.

Lagipun, perlu ditegaskan di sini bahawa pengiktirafan oleh Kerajaan itu hanyalah bagi kegunaan Perkhidmatan Awam sahaja. Kelulusan yang tidak atau belum diiktiraf oleh Kerajaan tidak bermakna kelulusan itu mutunya rendah atau sebagainya.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Berkenaan dengan pengiktirafan diploma dan sijil Kolej TAR, dalam Lembaga Kolej TAR Itu ada wakil daripada Kementerian Pendidikan dan segala kurikulum adalah juga dipersetujui oleh pihak Kementerian Pendidikan dan juga

pihak Kolej TAR mendapat peruntukan yang tertentu pada tiap-tiap tahun. Kenapakah Kementerian Pendidikan sehingga hari ini tidak memberi pertimbangan kepada permohonan yang telah dikemukakan oleh pihak Kolej TAR untuk mengiktirafkan 8 Diploma dan 10 Certificate coursea ini, dengan izin

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya tidak setuju bahawa Kementerian tidak memberi pertimbangan. Pertimbangan dan pengkajian masih dijalankan semula untuk mengiktirafkan kolej TAR ini. Untuk jawapan soalan pertama, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat mengkaji balik jawapan saya tadi, kerana bila saya memberi jawapan ini tadi, saya memberitahu bahawa ada wakil Kementerian Pendidikan dalam Lembaga itu dan kami juga sedar bahawa Kementerian ada memberikan peruntukan kepada Maktab **ini**. Jadi semua yang telah ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya telahpun jawab dalam jawapan kepada soalan asal.

A.K. Sivalingam: Soalan tambahan. Apakah garispuandu atau kriteria yang digunakan untuk mengiktiraf diploma-diploma atau sijil-sijil dari kolej persendirian atau mendapat bantuan dari Kerajaan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyatakan di sini bahawa pengiktirafan oleh Kerajaan ialah semata-mata untuk memasuki dalam Perkhidmatan Awam mengikut keperluan tenaga dan juga keperluan dalam satu-satu bidang yang kita adakan dalam Perkhidmatan Awam. Saya telah nyatakan tadi juga bahawa kelulusan daripada satu-satu institusi yang belum diiktiraf itu bukan bererti mutunya rendah atau sebagainya.

Puan Law Jack Yoon:[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu lagi soalan sahaja.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Pendidikan. Bolehkah sebutkan nama-nama atau bilangan kolej-kolej tempatan yang diiktirafkan serta nama dan bilangan kolej-kolej tempatan yang tidak diiktirafkan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat sudi, saya akan menghantarkan jawapannya secara bertulis.

PELANCONG KE MALAYSIA - MENGGALAKAN

4. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan Pelancong-pelancong datang ke negara ini dan juga memperkenalkan kempen mengenai negara sendiri bagi menggalakkan rakyat tempatan melawat dalam negeri sendiri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah menyusun beberapa strategi untuk menggalakkan pelancong-pelancong datang ke negara ini. Di antara strategi pemasaran yang dirumuskan adalah:

- (1) Mengaturkan program penggalakan yang lebih meluas dan intensif di semua pasaran pelancongan yang terpilih selaras dan sejajar dengan objektif untuk meninggikan imej negara sebagai sebuah destinasi pelancongan. Di antara aktiviti-aktiviti utama yang telah dilaksanakan dalam tahun ini adalah penyertaan di pameran Ekspo Dunia di Brisbane, di mana dalam jangka masa 6 bulan iaitu dari

bulan April hingga Oktober, penyertaan negara kita, seramai lebih kurang 3.6 juta pelawat yang telah berkunjung ke Astaka Malaysia.

- (2) Mengadakan kerjasama rapat dengan Penerbangan Malaysia dan lain-lain syarikat penerbangan asing agar dapat mengendalikan program-program pemasaran bersama dalam menarik lebih ramai pelancong bercuti di Malaysia serta menggalakkan penerbangan 'charter' atau charter flights dari pasaran-pasaran utama.
- (3) Membantu dalam penggalakan aktiviti-aktiviti bercorak pelancongan dan kebudayaan serta menganjurkan peristiwa-peristiwa pelancongan tahunan, umpamanya, 'Malayaia Pest' yang merupakan langkah persediaan ke arah penggalakkan 'Visit Malaysia Year - 1990', dengan izin, dengan tujuan menjadikan negara ini lebih menarik sebagai destinasi pelancongan.
- (4) Memberi galakan dan insentif kepada pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan dan di luar negeri untuk mengendalikan lebih banyak lawatan ke negara ini.
- (5) Membantu sektor swasta tempatan dalam menjalin perhubungan perniagaan dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di pasaran-pasaran utama di luar negeri.
- (6) Menimbulkan kesedaran dan publisiti mengenai Malaysia bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan tetapi juga sebagai pusat konvensyen melalui kempen-kempen pengiklanan, program keraihan dan promosi meliputi semua

pasaran konwensyen antarabangsa.

- (vii) Membantu agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta dalam mempertingkatkan lagi produk pelancongan dan destinasi pelancongan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diambil oleh kementerian untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri, antaranya ialah:

- (i) Memberi kesedaran kepada rakyat mengenai daya tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini menerusi kempen-kempen pengiklanan, penyibaran risalah, penganjuran program-program penggalakan pelancongan seperti 'Malaysia Fest' dan sebagainya;
- (ii) memberi bantuan kewangan sebagai insentif untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan memperbanyakkan lawatan-lawatan berpackage ke tempat-tempat menarik di dalam negeri dengan harga yang berpatutan sebagai contoh, 'Great Values Holidays';
- (iii) Menggalakkan pembinaan calet-calet murah dengan kerjasama pihak MARA.

Tuan Tan Chai Ho: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat menjelaskan sama ada terdapat aduan atau complaint, dengan izin, dari pelancong asing terhadap pelancongan di Malaysia dan apakah keburukan yang ditimbulkan? Apakah tindakan yang telah diambil?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, minta ulang soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang semula soalan **itu**, Yang Berhormat.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Memandangkan ramai pelancong asing melawat negara kita, saya ingin tahu adakah aduan atau complaint, dengan izin, terhadap pelancongan di Malaysia dan apakah keburukan yang ditimbulkan?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, komplek-komplek kecil itu memang ada tetapi yang kita dapat maklumat daripada kajian yang kita buat kepada pelancong-pelancong bahawa pelancong-pelancong luar negeri memang berminat untuk datang ke Malaysia, bahkan lebih daripada 80% pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia adalah mereka yang datang berulang-ulang kali. Ini menunjukkan bahawa mereka memang menggemari Malaysia. Jadi, dari segi komplek kita ingat mana-mana negara pun ada komplek, tetapi dari segi yang kita lihat ialah mereka sangat gemar datang ke Malaysia. Masalah yang kita hadapi hanyalah maklumat yang mereka terima agak kurang dan sebab itulah sekarang Kerajaan telah memberi penekanan supaya pengiklanan, promosi yang kita buat ditingkatkan lagi agar mereka mengenali Malaysia kerana produk pelancongan yang ditawarkan kepada pelancong-pelancong luar negeri negara kita adalah begitu baik sekali.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada sebilangan besar pemandu pelancong, dengan izin, tourist guides, yang kurang fasih dalam sejarah negara kita dan apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan lagi taraf mutu pemandu-pemandu pelancong ini?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang maklumat yang kita dapat, kita tidak sedar bahawa adanya pemandu-pemandu pelancong yang memutarbelitkan sejarah negara kita tetapi sebagai Kementerian yang bertanggungjawab mengenai perkara ini, maka sudah tentulah pandangan Yang Berhormat itu kita sentiasa beri perhatian dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bagi meningkatkan pemandu-pemandu

pelancong untuk memberi maklumat kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita, ialah melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, kita telah mengaturkan beberapa kursus kepada pemandu-pemandu pelancong. Pada kebelakangan ini kita menganjurkan sebanyak 3 kursus dalam satu tahun bagi menentukan bahawa maklumat-maklumat yang diberikan kepada pemandu-pemandu pelancong akan mendatangkan kesan.

Di samping itu, kurikulum ataupun perkara-perkara yang diberikan kepada pemandu-pemandu pelancong dalam kursus yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ialah perkara-perkara baru dan kita menentukan supaya maklumat-maklumat sejarah diberi dengan tepat dan kita telah menggubalkan kurikulum baru ini supaya pemandu-pemandu pelancong yang mengikuti kursus itu akan dapat memberi maklumat dengan lebih tepat dan lebih mudah kepada pelancong-pelancong itu.

Di samping itu, kita juga mengaturkan kursus-kursus kepada pemandu-pemandu pelancong dalam beberapa bahasa. Di antaranya ialah bahasa Jepun, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, Bahasa Arab dan juga bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, satu sahaja lagi.

Tuan Mustafa bin Awang: Tahniah kepada Kementerian yang berkenaan. Sepanjang yang dimaklumkan kepada saya bahawa Kementerian Pelancongan ini belum mengadakan wakil-wakilnya di negara-negara Arab, apakah ini benar?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kita belum melantik wakil di negara-negara Arab kerana Yang Berhormat Menteri baru sahaja membuat lawatan ke negara-negara Arab. Walau bagaimanapun, di dalam perancangan kita, memang kita akan melantik seorang wakil ataupun satu agensi menjadi wakil kita di negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua:. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-5.

PELAJAR ISLAM DI LUAR NEGERI - KEGIATAN

5. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah serta-merta yang diambil berhubung dengan kegiatan pelajar-pelajar Islam di luar negara seperti yang berlaku di New Zealand baru-baru ini. Adakah petugas-petugas di Jabatan Pelajaran Luar Negeri sentiasa menghantar laporan yang kerap kepada beliau mengenai perkembangan semasa penuntut-penuntut di sana.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan pelajar-pelajar kita Malaysia yang menuntut di luar negeri. Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara sentiasa mengemukakan laporan mengenai perkembangan semasa kegiatan pelajar-pelajar Malaysia. Ekoran dari kes beberapa orang pelajar tajaan Kerajaan di New Zealand yang terlibat dalam kegiatan keagamaan yang ekstrim dan dipercayai menyeleweng dari ajaran Islam itu, Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan meminta semua Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara memberikan perhatian yang lebih serius lagi terhadap kes-kes salahlaku di kalangan pelajar-pelajar Malaysia. Jika terdapat kes-kes salahlaku di kalangan pelajar kita, Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara diarahkan supaya melaporkan segera ke Kementerian atau agensi-agensi tajaan yang berkaitan untuk tindakan sewajarnya.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, apakah punca-punca kegiatan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Islam di luar negara seperti yang berlaku di New Zealand baru-baru ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kebanyakan kegiatan salahlaku pelajar-pelajar kita di luar negeri adalah dari pengaruh orang-orang negara kita sendiri yang keluar negara dengan tujuan dan niat yang tidak begitu baik.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Pengaruh apa yang dibawa sampai ke sana itu daripada dalam negeri ini, bolehkah dapat penjelasan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, misalnya unsur-unsur yang negatif dan tidak begitu sihat untuk perpaduan dan untuk pembangunan masyarakat kita Malaysia ini.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana jawapan Yang Berhormat tadi sentiasa diawasi penuntut-penuntut luar negeri ini, adakah dengan serta-merta perkara ini boleh berlaku kepada murid-murid ini sehinggakan menjadi heboh di dalam negara kita? Pada pandangan saya dan sentiasa diperkatakan oleh rakyat di dalam negara kita ini ialah kerana kurang awasnya pegawai-pegawai pelajar di luar negeri itulah maka anak-anak kita terbiar dan senang dihasut oleh kumpulan-kumpulan lain.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dalam kegiatan-kegiatan pelajar-pelajar kita di luar negeri di mana kita telah letakkan pegawai-pegawai kita, tidak berertinya ia mengadakan satu kegiatan seperti mengawasi atau mengikut tiap-tiap gerak-geri pelajar-pelajar kita dan yang kita tidak dapat mengawasi bukannya pelajar-pelajar tetapi rakyat kita yang dengan tujuan tertentu menjelajahi ke luar negeri bukan di dalam kawasan atau pegangan kuasa kita.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak dapat mengawasi pelajar-pelajar kita, mengapa kita tahu kejadian seperti ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang semula.

Tuan Mustafa bin Awang: Mengikut keterangan Timbalan Menteri ini tadi, pegawai-pegawai pelajar kita yang berada di luar negeri tidak dapat mengawasi gerak-geri yang dilakukan oleh pelajar-pelajar kita dan mengapa sehingga kita tahu kejadian ini kalau kita tidak dapat awasi?

Dr Leo Michael Toyad: Saya fikir Ahli Yang Berhormat tadi setelah dengar apa yang saya katakan, bukan kita tidak dapat mengawasi pelajar-pelajar kita, orang-orang yang datang bukan pelajar kita, yang kita tidak dapat mengawasi, kerana mereka ini adalah rakyat bebas dan juga masuk ke negeri bukan Malaysia yang bukan di bawah kuasa kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang satu sahaja lagi.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, setelah Kementerian Pendidikan mengenalpasti pelajar-pelajar kita yang telah dipengaruhi oleh kebanyakan oleh orang-orang dari dalam negeri kita, adakah pelajar-pelajar ini sebelum dia dihantar ke luar negeri untuk meneruskan pelajarannya, diadakan satu kursus, kursus maksud saya supaya mereka benar-benar mencintai negara dan apabila dia balik tahu membalas budi kepada negara dan Kerajaan. Di samping itu adakah Kementerian Pendidikan menyediakan satu majalah khas untuk pelajar-pelajar di luar negeri dan kirimkan pada tiap-tiap bulan menggambarkan negara kita keadaan politik semasa supaya mereka ini faham. Kalau ada pun musuh-tmusuh parti yang tidak puas hati menghentam Kerajaan dalam negeri ini, dia pergi ke luar negeri, maka dengan senangnyanya pelajar-pelajar ini boleh menolak ataupun menangkis tuduhan-tuduhan memburukkan negara kita. Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum pelajar-pelajar kita ke luar negeri, memang

ada kursus, kalau tidak kursus panjang mereka diberi program-program yang menyediakan mereka untuk ke luar negeri.

Kedua, bahawa perhubungan di antara pelajar-pelajar tajaan Kerajaan di luar negeri memang terdapat menerusi suratkhbar dan juga menerusi pegawai-pegawai kita yang seringkali mengunjungi mereka di luar negeri, khususnya dari Bahagian Pengajian Tinggi dan dari Kementerian-kementerian yang menajakan mereka itu.

KWSP DAN TIKET LOTERI - WANG TAK DITUNTUT

6. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mencari tuanpunya wang KWSP dan tiket loteri yang tidak dituntut hadiah-hadiahnya sebelum diserap kepada Perbendaharaan, nyatakan berapa banyak wang yang tidak dituntut yang telah diserap kepada Perbendaharaan tiga tahun kebekalangan ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha bagi menteri tuanpunya wang KSWP yang tak dituntut adalah dengan cara mengiklankan butir-butir wang tak dituntut itu dalam Warta Kerajaan. Selepas pengiklanan itu orangramai masih boleh menyemak daftar mengenainya dan membuat tuntutan ke atasnya dengan pihak KWSP. Buat masa ini wang KWSP itu yang tidak dituntut masih lagi disimpan oleh KWSP dan tidak diserahkan kepada Perbendaharaan kerana Akta KWSP 1951 membenarkannya berbuat demikian. Jumlah yang tidak dituntut bagi 3 tahun lalu adalah sebagaimana berikut:

Tahun	\$ Juta
1985	\$3.17
1986	\$3.67
1987	\$4.32
1988 (Jan-Sept)	\$5.14

Wang-wang ini disimpan dalam rizab am KWSP dan orangramai yang bekeanan boleh terus membuat tuntutan ke atasnya.

Bagi wang tiket loteri yang tidak dituntut pula, usaha untuk mencari tuan punyanya adalah sukar kerana tiket loteri dijual kepada orangramai tanpa megambil butir-butir mengenai pembeli tiketnya. Bagaimanapun, orangramai diberi tempoh sehingga 3 bulan untuk membuat tuntutan ke atas tiket-tiket yang dimenangnya. Selepas tarikh itu wang-wang yang tidak dituntut akan diserahkan kepada Perbendaharaan untuk dimasukkan dalam Akaun Hasil Disatukan. Sungguhpun begitu, orangramai masih boleh membuat tuntutan selepas 3 bulan sekiranya ada sebab-sebab yang munasabah dan boleh diterima mengenai kelambatan membuat tuntutan itu.

Wang loteri yang diserapkan kepada Perbendaharaan dalam tempoh tiga tahun yang lalu adalah sebagai berikut:

Tahun	\$ Juta
1985	\$3.53
1986	\$3.77
1987	\$4.88
1988(Jan-Jun)	\$1.51

Wang yang tidak dituntut yang diterima oleh Pendaftar Wang Tidak Dituntut dalam 3 tahun yang lepas adalah seperti berikut:

Tahun	\$	Juta
1985	\$13.18	
1986	\$17.07	
1987	\$19.48	
1988 (Jan-Okt)	\$20.35	

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar satu di antara sebab-sebab simpanan KWSP yang tidak dituntut itu oleh kerana bagi seseorang pencarum yang ingin menuntut wang simpanan dalam KWSP terlalu sulit dan sukar, khususnya kepada pencarum yang buta huruf dan tidakkah Kementerian Kewangan bercadang untuk memudahkan proses untuk menuntut simpanan KWSP.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-pertua, saya tidak setuju dengan pendapat Yang Berhormat yang megatakan bahawa cara mengeluarkan wang itu adalah sulit, tetapi yang mesti ditekankan di sini ialah tujuan wang itu dikeluarkan. Jika sekiranya tujuan yang dikeluarkan tidak termasuk di dalam butir-butir ataupun perkara-perkara yang dibenarkan oleh undang-undang, maka ia tidak boleh dikeluarkan. Wang KWSP hanya dibenarkan dikeluarkan di bawahperkara-perkara yang telahpun dibenarkan di bawah undang-undang. Jika sekiranya seseorang itu ingin mengeluarkan wang KWSP dan dia tidak boleh membaca ataupun buta huruf, ia boleh mendapat bantuan daripada pegawai-pegawai "Front Desk Officers" di semua pejabat-pejabat di seluruh Malaysia untuk membantu mereka, dan jika sekiranya masih menghadapi masalah, orangramai boleh merayu terus kepada pihak atasan ataupun Kementerian Kewangan seterusnya,

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk memanjangkan masa tuntutan wang itu lebih daripada 3 bulan sekarang.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Adakah masud Yang Berhormat duit loteri yang menang?

Puan Law Jack Yoon: Ya.

Tuan Mohamed Farid bin Aiffin: Saya telah jawab tadi, kalau sekiranya 3 bulan tidak dituntut di akan dipindahkan kepada Perbendaharaan dan jika sekiranya ada sebab-sebab 'acceptable reasonable reason', dengan izin, maka kita bolehlah menimbangkan, adakah tiket yang dimenangi itu dituntut selepas 3 bulan boleh dibayar, sekiranya ia menimbulkan kemusykilan, kemungkinan kita terpaksa meneliti sedikit.

PLAZA TOL DI SUNGAI BESI - KESESAKAN

7. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah, sekiranya ada, yang beliau akan ambil untuk mengurangkan penangguhan dan kesesakan yang belaku di berbagai plaza toll khasnya di Sungai Besi pada hari pertama dan hari akhir dalam masa cuti umum. Adakah beliau akan memberi timbangan untuk mengecualikan bayaran waktu-waktu sibuk pada hari-hari berkaitan yang tersebut di atas untuk membolehkan lalulintas yang lebih licin pada hari tersebut, seperti yang telahpun dilakukan di negara-negara lain.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan kesesakan yang berlaku di Plaza Tol Sungai Besi pada hari-hari minggu dan cuti umum, kerana terdapat penambahan bilangan kenderaan yang luar biasa pada hari-hari tersebut. Oleh kerana Lebuhraya Utara Selatan termasuk Tol Sungai Besi telah diambilalih oleh Syarikat Plus, Kerajaan akan meminta Syarikat tersebut untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi masalah kesesakan di Plaza-plaza Tol, khususnya di Plaza Tol Sungai Besi. Di antara langkah-langkah itu adalah seperti berikut;

- (i) membuka lebih banyak atau semua pintu Plaza Tol kepada kenderaan-kenderaan yang menghala ke Kuala Lumpur.
- (ii) mengarahkan kenderaan dari selatan supaya keluar dari Lebuhraya melalui pintu-pintu keluar di persimpangan bertingkat Kajang dan Plaza Tol Universiti Pertanian Malaysia.
- (iii) mengarahkan pemandu-pemandu supaya menyediakan pertukaran wang bayaran tol yang mencukupi; dan
- (iv) menyediakan pintu Plaza Tol khas bagi pemandu-pemandu yang mempunyai tukaran wang yang cukup bagi pembayaran tol.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya mengecualikan pembayaran tol pada masa-masa tertentu, termasuk juga pada masa kesesakan lalulintas, oleh kerana Lebuhraya berkenaan telah diswastakan pada masa ini Kerajaan berpendapat adalah tidak wajar untuk mencadangkan kepada Syarikat Plus bagi mengecualikan pembayaran tol untuk masa-masa tersebut.

RANCANGAN MENGEKALKAN BEKALAN KAYU BALAK

8. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) rancangan yang tersusun untuk menentukan pembekalan kayu-kayan sentiasa sedia ada untuk dieksport dan untuk kegunaan dalam negeri masa ini dan masa hadapan;
- (b) adakah usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk menanam hutan yang telah ditebangkan mencapai jangkaannya; dan
- (c) adakah berlaku kes-kes di mana terdapat syarikat-syarikat pembalakan yang tidak menjalankan tanaman semula hutan yang ditebang.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rancangan bagi mengekalkan sumber bekalan kayu balak ditumpukan kepada dua program utama seperti mana berikut:-

- (i) **Program Pengurusan dan Pemeliharaan Kawasan Hutan Semula Jadi.**

Di bawah program ini tumpuan diberikan ke arah mengekalkan produktiviti hutan menerusi sistem tebangan memilih, iaitu memilih hanya pokok-pokok yang telah matang sahaja ditebang dan meninggalkan pokok-pokok yang cukup untuk proses untuk pertumbuhan semula jadi, menjalankan rawatan hutan selepas tebangan dengan memastikan pokok-pokok pilihan boleh membesar

dengan cepat dan tidak ternaung berlebihan dan menjalankan tanaraan pengayaan terutama bagi kawasan yang tidak mempunyai cukup bekalan benih semula jadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini kawasan seluas 12.7 juta hektar telahpun digazetkan sebagai Hutan Simpan Kekal yang diurus secara berkekalan. Di samping itu sebahagian besar kawasan yang telah dibalak juga telah diberikan rawatan pemulihan, dengan izin, silvicultural treatraent. Sehingga akhir 1987, 1.2 juta hektar telah diberi rawatan silvikultur iaitu 0.8 juta hektar di Semenanjung, 0.3 juta hektar di Sabah dan 0,1 juta hektar di Sarawak.

(ii) **Program Ladang Hutan.**

Di bawah program ini ladang hutan akan ditubuhkan dengan spesis kayu yang boleh tumbuh dan membesar dengan cepat. Program ini telah dimulakan secara besar-besaran pada tahun 1982 dan seluas 188,000 hektar telah dirancang untuk dimajukan sehingga tahun 1995 di Semenanjung Malaysia.

Fasa pertama projek ini meliputi kawasan seluas 40,000 hektar dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1989. Projek fasa 2 meliputi kawasan 42,000 hektar lagi sedang dirancangkan. Bagi fasa 1, sejumlah \$67 juta telah dibelanjakan di bawah program ini. Projek ladang hutan ini juga telah dilaksanakan di negeri Sabah. Adalah dianggarkan Sabah akan memajukan seluas 250,000 hektar ladang hutan menjelang tahun 2000. Keluasan kawasan yang telah dimajukan di negeri Sabah setakat ini ialah 45,000 hektar. Di negeri Sarawak jumlah keluasan ladang yang telah dimajukan setakat ini ialah 2,600 hektar.

Di samping itu catuan tebaran juga telah dikenakan bagi kawaaan hutan simpan kekal. Penyelidikan pembangunan juga dijalankan bagi mendapatkan bekalan alternatif misalnya penggunaan balak kayu getah yang kini telah menjadi sangat berharga dan nilai eksport telah meningkat kepada \$97.2 juta pada tahun lepas berbanding di masa yang lalu hanya digunakan sebagai kayu api sahaja. Usaha-usaha juga dijalankan bagi meningkatkan produktiviti dalam pemerosesan kayu, meningkatkan nilai tokok dan pembaziran.

- (b) Usaha-usaha yang dijalankan adalah mencapai jangkauannya dan pihak Kerajaan akan terus mengawai dan meningkatkan khidmat penyelidikan, pembangunan dan pengurusan bagi menentukan bekalan sumber balak negara terus terjamin di masa akan datang dan industri berasaskan kayu terus berkembang bagi memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.
- (c) Untuk makluman, usaha-usaha pemeliharaan dan peningkatan sumber hutan adalah dijalankan oleh Kerajaan. Pihak syarikat pembalakan adalah dikenakan syarat-syarat pembalakan yang tertentu dan perlu membayar ses pembangunan, untuk digunakan bagi kerja-kerja pemulihan hutan di bawah program silvikultur hutan.

TUKANG CERMIN MATA - BILANGAN

9. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) jumlah 'Tukang Cermin Mata' yang menjalankan perniagaan seluruh negara, dan
 - (b) jumlah juruoptik yang berdaftar dengan Persatuan Optometri Malaysia (OAM);
 - (c) sejauhmana penguatkuasaan telah dijalankan bagi melindungi orang ramai daripada ditipu oleh 'pakar mata' yang bukan ahli Optometri atau Oftalmologi; dan

- (d) usaha-usaha yang telah dijalankan untuk menentukan bidang rawatan mata bermutu tinggi di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew

Peh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut maklumat yang diperolehi sebanyak 553 tukang cermin mata sedang menjalankan perniagaan di seluruh negara.
- (b) Persatuan Optometri Malaysia ialah satu pertubuhan swasta. Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah juruoptik yang berdaftar dengan persatuan tersebut.
- (c) Pada masa sekarang sesiapa yang ingin membuka kedai cermin mata memerlukan lesen perniagaan sahaja. Keadaan ini tidak memuaskan dan Kementerian Kesihatan sedang menyediakan satu draf Rang Undang-undang untuk mengawal amalan optometri. Rang Undang-undang ini akan dibentangkan di Parlimen apabila siap nanti.
- (d) Kerajaan sentiasa berusaha meninggikan mutu rawatan mata di negara ini. Untuk tujuan tersebut, sebanyak 23 orang pakar mata dan 8 orang pegawai optometri telah ditempatkan di beberapa buah hospital Kerajaan. Pegawai-pegawai Perubatan yang bertugas di Jabatan Mata juga diberikan latihan dalam perkhidmatan di dalam bidang rawatan mata.

Di samping **itu**, pegawai-pegawai paramedic seperti pembantu perubatan dan jururawat terlatih yang telah mengikuti kumus "post basic" di dalam bidang rawatan mata juga ditugaskan untuk membantu pakar-pakar mata di dalam rawatan dan pembedahan mata.

Dengan adanya perkhidmatan seperti **ini**, mutu rawatan mata yang tinggi bagi rakyat di negara ini senantiasa terjamin.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah Kementerian Kesihatan masih memberi cermin mata percuma kepada penuntut-penuntut sekolah yang lemah kelihatan?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu pasti tentang perkara ini. Saya minta maaf, dan saya akan menyiasat dan memberikan jawapan bertulis.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kerajaan memberi kebenaran kepada pakar-pakar mata dari Russia untuk menjalankan rawatan mata di Malaysia. Sejak manakah rancangan ini berjaya dan apakah syarat-syarat mereka telah dibawa ke negara ini?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Menteri Kesihatan telah memberi kelulusan untuk mendaftar 14 orang doktor dari Russia untuk berkhidmat di Pulau Langkawi iaitu pusat mata di Pulau Langkawi yang dicadangkan itu.

Setakat ini pusat mata itu telah diluluskan dan pendaftaran doktor itu sebenarnya ialah dengan beberapa syarat iaitu:

- (i) mereka diberikan tempoh berkhidmat selama lima tahun sahaja.
- (ii) pendaftaran itu cuma untuk tujuan yang tertentu iaitu untuk pengamalan perubatan berkaitan dengan refractive eye micro surgery, dengan izin; dan
- (iii) mereka cuma diberikan kebenaran untuk berkhidmat di pusat mata Pulau Langkawi sahaja.

SISWAZAH MENGGANGGUR

10. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan sebenarnya angka jumlah siswazah-siswazah menganggur di seluruh negara. Sekarang terdapat angka-angka yang tidak sekata, dan angka ini telah digunakan oleh penentang-penentang Kerajaan sebagai isu memburuk-burukkan Menteri sendiri sebagai jenayah halus Menteri terhadap kebangkitan generasi muda. Apakah Menteri sedar akan kempen memburuk-burukkan ini sedang berlaku.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah siswazah menganggur yang telah berdaftar di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 1 November 1988 ialah seramai 12,175 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

Tuan Tan Choog Tak: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

PELABURAN ASING - JUMLAH

11. **Tuan Tan Choong Tak [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, dalam tempoh setahun yang lepas, Kementerian telah menghantar banyak misi/perutusan perdagangan sambil menarik pelaburan ke negara-negara asing,

- (i) berapakah jumlah pelaburan asing telah didapati ditarik ke negara kita, dan beri angka-angka mengikut tahun;
- (ii) pecahan pelaburan mengikut negara-negara pelabur dan bidang-bidang perusahaan di negara kita;
- (iii) apakah perusahaan-perusahaan ini perusahaan usahasama antara pelabur asing dengan rakyat Malaysia; dan
- (iv) berapakah jumlah pelaburan tambahan atau yang baru dari rakyat Malaysia sendiri dalam tempoh yang sama.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee

Kiat]: Tuan Yang di-Pertua;

- (i) dari bulan November, 1987 hingga Oktober, 1988, jumlah anggaran pelaburan asing yang dicadangkan adalah sebanyak \$5,083.3 juta, berbanding dengan tempoh bulan November 1986 hingga Oktober 1987 di mana jumlah anggaran pelaburan asing adalah sebanyak \$1,316.4 iuta.

- (ii) dari bulan November, 1987 hingga Oktober, 1988 sumber pelaburan asing yang terbesar sekali adalah dari negara Jepun, \$1,290.3 juta. Ini diikuti dengan negara Taiwan \$795.9 juta, Amerika Syarikat \$579.1 juta, Peranchis \$524.7 juta dan Singapura \$465.1 juta. Mengikut industri pula, sumber pelaburan asing yang terbenar sekali adalah dalam industri barang-barang elektrik dan elektronik iaitu \$1,130.7 juta. Ini diikuti dengan industri barang-barang kimia \$1,074.0 juta, industri barang-barang logam asas \$616.6 juta, industri barang-barang getah \$584.5 juta dan industri pengilangan makanan \$581.0 juta.
- (iii) daripada sejumlah 683 projek yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi tempoh November, 1987 hingga Oktober 1988, 444 projek adalah projek yang diluluskan dengan penyertaan negara asing. Daripada jumlah ini, 162 adalah projek yang dimiliki sepenuhnya oleh negara asing, 141 projek usahasama dengan majoriti tempatan, 112 projek usahasama dengan majoriti asing dan 29 projek usahasama 50-50. Bilangan projek yang terbesar dengan penyertaan asing adalah dari industri barang-barang getah 134. Ini diikuti dengan industri barang-barang elektrik dan elektronik 92, industri barang-barang tekstil 31 dan industri kayu dan barang-barang kayu 27.

(iv) untuk tempoh bulan November 1987 hingga Oktober, 1988 bilangan projek dengan penyertaan rakyat Malaysia adalah sebanyak 521, di mana 239 adalah projek yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia, 141 projek usahasama dengan majoriti tempatan, 112 projek usahasama dengan majoriti asing dan 29 projek usahasama 50-50. Jumlah modal pelaburan dalam 521 projek ini adalah sebanyak \$6,537.3 juta di mana \$4,369.9 juta adalah anggaran modal pelaburan tempatan dan \$2,167.4 juta adalah anggaran modal pelaburan asing. Daripada jumlah anggaran modal pelaburan tempatan sebanyak \$4,369.9 juta, \$4,056.4 juta adalah bagi projek baru dan \$313.5 juta adalah anggaran modal pelaburan-tempatan bagi projek tambahan atau pembesaran.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengenai misi ataupun perutusan perdagangan ini seperti kita sedia maklum, selain daripada misi yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian sendiri kedatangan misi yang sama jenisnya yang dilakukan secara berasingan atau bersendirian oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi, penjelasan yang saya ingin ialah adakah penyelarasan dibuat di antara misi-misi yang dianjurkan oleh Kementerian dengan misi-misi perdagangan yang dianjurkan oleh negeri-negeri secara bersendirian dan yang kedua angka-angka ataupun nilai pelaburan yang telah dihasilkan daripada misi-misi ini yang

telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adakah khas untuk hasil daripada usaha-usaha Kementerian sahaja ataupun termasuk uaaaha-usaha yang dilakukan oleh negeri-negeri.

Dato' Kok. Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan pertama, ya, ada. Kementerian saya ada menyelaraskan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri-negeri supaya kita bekerjasama dengan missi-missi itu. Berkaitan soalan yang kedua, saya minta maaf, saya harap Yang Berhormat boleh beri saya notis oleh kerana soalan itu melibatkan angka-angka yang banyak.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, berapa peratuskah sasaran pelaburan tercapai mengikut yang telah dijangkakan dalam tempoh tersebut. Yang keduanya, berdasarkan kepada pelaburan yang telah dibuat itu sebanyak manakah peluang-peluang pekerjaan baru telah timbul.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, maaflah, soalan kedua itupun melibatkan angka-angka yang saya tidak ada butir-butirnya di sini.

PERJANJIAN EXTRADITION

12. **Dr. Ng Khok Kuing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah negara asing yang mempunyai treati "estradition" dengan Malaysia bagi penjenayah-penjenayah yang terlibat dengan kes dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara asing yang mempunyai perjanjian 'extradition' dengan Malaysia ialah seperti berikut:-

- (i) Singapura;
- (ii) Brunei;
- (iii) Indonesia;
- (iv) Thailand; dan
- (v) Amerika Syarikat.

Dr. Ng Khok Kuing: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bilangan pengedar dadah yang hartanya diambil oleh Kerajaan atau confiscated sejak Akta Dadah Berbahaya dikuatkuasakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun akta ini telahpun diluluskan, tetapi pelaksanaan undang-undangnya bukanlah satu perkara yang mudah. Britain sendiri yang telahpun mempunyai undang-undang lebih awal daripada negara kita terpaksa membuat rombongan ke seluruh dunia untuk membuat perjanjian dengan negara-negara lain supaya dapat memudahkan pelaksanaan undang-undang itu. Jadi, negara kita sendiri yang baru sahaja undang-undang ini diluluskan tentulah menghadapi masalah yang cukup besar terutama apabila pesalah itu ada mempunyai hubungan dengan negara-negara luar daripada Malaysia. Jadi, dengan sebab itu, tidak dapatlah saya nyatakan berapakah bilangan yang telahpun didakwa di atas pindaan Akta tersebut.

STRUKTUR EKUITI - AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

13. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk memberi pengecualian kepada semua ekuiti sepertimana yang dikehendaki di bawah Akta ICA, 1975 bagi mereka yang mempunyai modal pelaburan kurang daripada \$2.5 juta (termasuk syarikat lama):-

- (a) jenis barangan eksport, kuantiti dan nilai bagi setiap jenis dari 1.9.87 hingga 30.9.88;
- (b) jenis barangan import yang utama serta nilainya dari 1.9.87 hingga 30.9.88;
- (c) negara-negara perdagangan yang penting dari 1.9.87 hingga 30.9.88; dan
- (d) barangan eksport perkilangan yang utama dari 1.1.88 hingga 30.9.88.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini ada dua bahagian. Bahagian yang pertama meliputi perkara am, tetapi bahagian yang kedua meliputi angka-angka dan di sini saya ada tiga mukasurat angka-angka itu. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan saya menjawab bahagian pertama secara jawab mulut dan menjawab bahagian kedua secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Kok Wee Kiat: Terima kasih. Mulai 24hb Oktober, 1986 Kerajaan telah membuat keputusan bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai wang pemegang saham kurang daripada \$2.5 juta atau menggaji 75 orang pekerja adalah dikecualikan daripada pelesenan dan dengan itu mereka tidaklah dikenakan apa-apa syarat perlesenan termasuklah yang berhubung dengan struktur ekuiti. Walau bagaimanapun, garis panduan ini tidak dikenakan kepada syarikat-syarikat yang telah dilesenkan sebelum 24hb Oktober, 1986. Syarikat-Syarikat di dalam kategori ini dikecualikan daripada syarat ekuiti hanya jika ia

mempunyai wang pemegang saham kurang dari \$1.5 juta atau menggaji kurang dari 50 pekerja dan diluluskan tanpa apa-apa galakan cukai.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH/AMERIKA SYARIKAT - HASIL

14. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) mengenai hasil dan perkembangan terutama mengenai pelaburan luaran dari lawatan YAB Perdana Menteri ke negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat, baru-baru ini; dan
- (b) apakah kesan dan penerimaan dari wakil-wakil media massa di Amerika Syarikat, berhubung dengan berita-berita negatif dan mengelirukan yang ditulis oleh mereka. Tidakkah mereka itu ingin datang ke Malaysia untuk melihat sendiri keadaan sebenarnya.

Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Persekutuan Jerman (RPJ) pada 18hb - 22hb September dan Belgium pada 22hb - 24hb September, 1988 telah menghasilkan faedah dan kejayaan yang besar. Semasa lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat membangkitkan beberapa isu kepentingan bersama dengan pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut yang bertujuan untuk mempereratkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dengan kedua-dua buah negara itu.

Di RPJ, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan beberapa isu dua hala dengan pemimpin-pemimpin Jerman termasuk soal perdagangan dan pelaburan, masalah dadah, kerjasama di bidang kebudayaan dan pelancongan, penambahan penerbangan MAS dan masalah pelarian Vietnam yang dihadapdi oleh Malaysia. Hasil dari perbincangan Yang Amat Berhormat dengan pemimpin-pemimpin RPJ sangatlah menggalakkan dan tindakan susulan akan diambil oleh agensi-agensinya berkenaan.

Di Belgium pula, perbincangan mengenai isu-isu dua hala juga diadakan untuk kepentingan bersama. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjemput ahli-ahli perdagangan Belgium untuk melabur di dalam perusahaan kereta Proton Saga dan juga menyuarakan kemungkinan Malaysia mengeksport kereta tersebut ke negara-negara Eropah. Selain dari itu, seminar pelaburan telah juga diadakan di RPJ dan Belgium untuk menarik lebih banyak pelabur-pelabur asing ke Malaysia dengan menerangkan dasar dan iklim pelaburan di negara kita. Sambutan dari ahli-ahli swasta yang hadir di kedua-dua seminar yang telah diadakan sangatlah menggalakkan dan hasilnya akan dapat kita perolehi di masa akan datang.

Di samping itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil kesempatan untuk bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin-pemimpin RPJ dan Belgium mengenai isu-isu antarabangsa seperti masalah Kampuchea, Afghanistan, soal Palestin, hubungan Iran-Iraq dan penubuhan pasaran tunggal Eropah. Kebimbangan Malaysia terhadap penubuhan pasaran tunggal Eropah menjelang tahun 1992 juga telah ditekankan dan telah mendapat perhatian pemimpin-pemimpin RPJ, Belgium dan pihak Kesatuan Ekonomi Eropah. Malaysia berpuas hati dengan jaminan mereka bahawa peluang pasaran barangan Malaysia ke Eropah akan terus terbuka. Bagaimanapun, kita akan terus memerhatikan perkembangan yang berlaku mengenai perkara ini.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke London pada 24hb - 28hb September, 1988, walaupun tidak rasmi, telah juga mendatangkan kejayaan. Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani semasa lawatan tersebut bukan sahaja dapat mempertingkatkan lagi kerjasama di segi pertahanan, tetapi juga dapat memperluaskan lagi

kerjasama politik dan ekonomi di antara Malaysia dan Britain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membangkitkan permohonan MAS untuk menambahkan penerbangan ke London dengan Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher. Walaupun tiada persetujuan muktamad dicapai, Malaysia berharap isu penambahan penerbangan MAS ke London akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tujuan utama lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini ialah untuk berucap di Sesi ke 43 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengambil kesempatan itu untuk bertemu secara berasingan dengan ahli-ahli media massa serta ahli-ahli perniagaan terkemuka negara tersebut. Dalam perjumpaan-perjumpaan yang telah diadakan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi memberi penerangan mengenai keadaan dalam negeri serta suasana dan peluang perniagaan dan pelaburan yang wujud di Malaysia. Penjelasan yang telah diberikan itu telah meningkatkan lagi pengetahuan serta ketahanan ahli-ahli perniagaan dan media yang hadir mengenai kedudukan sebenar di Malaysia serta insentif-insentif pelaburan. Adalah dipercayai bahawa kesan yang positif serta hasil yang bermanfaat dapat diperolehi di masa akan datang.

Mengenai soalan (b), salah satu agenda lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat ialah mengadakan pertemuan dengan pengarang dan penyunting kanan akhbar-akhbar terkemuka di Amerika Syarikat. Perjumpaan tersebut telah memberi kesempatan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjelaskan keadaan sebenar akan perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara kita. Kesan dari pertemuan itu, akhbar-akhbar Amerika Syarikat telah dapat memahami tentang keadaan yang sebenarnya. Akhbar terkemuka **Wall Street Journal**, umpamanya, telah

memberi jaminan untuk membuat liputan yang lebih seimbang dan positif terhadap Malaysia pada masa-masa akan datang. Di samping itu, beberapa orang wartawan Amerika Syarikat telah melakukan lawatan ke Malaysia untuk menyaksikan sendiri keadaan di sini. Dengan bantuan Kementerian Luar Negeri, beberapa rancangan rapi telah diatur bagi membolehkan mereka membuat liputan yang tepat. Hasil dari lawatan sedemikian, wartawan-wartawan itu telah mendapat gambaran yang lebih seimbang dan positif mengenai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup,

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 37 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (1hb Disember, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menyambung semula ucapan beliau pada petang semalam. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, Fasal. 25. Undang-undang sekarang ini tidak memperuntukkan supaya peluang untuk didengari diberi kepada pihak yang dibatalkan pas mereka oleh Ketua Pengarah Imigresen. Justeru itu Ketua Pengarah Imigresen tidak memberi peluang untuk didengari bila membatalkan pas. Walau bagaimanapun, pada akhir-akhir ini tindakan Ketua Pengarah Imigresen telah dicabar atas alasan ini. Bagi mengatasi masalah ini Seksyen 59 baru perlu diwujudkan demi memperuntukkan bahawa seseorang tidak perlu diberi peluang untuk didengari sebelum Ketua Pengarah Imigresen membuat perintah terhadap orang berkaitan dengan apa-apa perkara di bawah Akta Imigresen ataupun perundangan subsidiarinya.

Di samping itu adalah perlu Akta ini dipinda dengan mewujudkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 59A untuk menjelaskan bahawa mana-mana perintah yang dibuat oleh Ketua Pengarah Imigresen di bawah Akta ini adalah mutlak dan tidak boleh dipersoalkan di

mana-mana Mahkamah atas apa-apa jua alasan pun. Walau bagaimanapun, perintah Ketua Pengarah Imigresen boleh dirayu kepada Menteri Dalam Negeri dan keputusannya adalah muktamad.

Pada akhirnya, Seksyen baru 59B diwujudkan untuk memberi tafsiran kepada istilah "Ketua Pengarah" dan perintah yang perlu diadakan bagi maksud Seksyen 59 dan Seksyen 59A.

Tuan Yang di-Pertua, adalah ketara dan wajar bahawa Akta Imigresen sekarang perlu dipinda demi memperkuat penguatkuasaannya dari segi ekonomi guna memastikan pada keseluruhannya pekerja-pekerja asing disalurkan kepada sektor-sektor tertentu sahaja dan mengelak daripada kemunculan gejala-gejala sosio-ekonomi yang negatif. Juga, kuasa-kuasa Imigresen, perlu dipertingkatkan untuk memelihara ketenteraman dan keselamatan negara.

Amatlah penting Kerajaan berkuasa sepenuhnya untuk membolehkannya bertindak cepat, tegas dan berkesan dan tidak lagi terikat pada perkara-perkara yang melemahkan kewibawaannya, Itulah sahaja hasrat Kerajaan bila membuat beberapa pindaan dan peruntukan baru kepada Akta Imigresen 1959-1963 yang saya terangkan sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959-1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia dipersilakan.

4.11 ptg.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan hujah dengan melafazkan satu Pepatah Melayu yang berbunyi "Kera di hutan disusukan, anak dipangkuan dibiarkan" dan satu ungkapan yang diketahui umum yang berbunyi "peri kemanusiaan itu inti keadilan." Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, tertanya-tanya

di hati apa kena-mengenai Pepatah dan ungkapan ini dengan Rang Undang-undang yang sedang dibentangkan. Tuan Yang di-Pertua, hubungannya saya akan huraikan sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Imigresen 1959-1963 adalah seperti akta-akta lain yang telah digubal oleh Kerajaan, tiada berbeza, masing-masing digubal dengan tujuan yang tertentu. Tujuan-tujuan tertentu itu kalau dikupas hingga ke sum-sum nyata bahawa ianya untuk kebaikan, untuk ketenteraman, untuk kebahagiaan, untuk kemakmuran, untuk kesejahteraan, untuk keselesaan, untuk keseronokan, untuk kepuasan hati dan untuk keadilan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akta-akta yang digubal itu adalah alat Kerajaan. Alat untuk mengawal tindak tanduk masyarakat, alat landasan pentadbiran, alat sebagai garis panduan dalam mengimplimentasikan dasar Kerajaan, Alat untuk mendidik rakyat, alat pengemas-kini pentadbiran yang porak peranda, alat untuk memungut hasil Kerajaan dan akhir sekali alat untuk menentukam identiti kita sebagai negara merdeka dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun dipandang dari sudut mata kasar atau lahiriah, Akta Imigresen 1959-1963 ini adalah berlainan daripada berpuluh-puluh akta yang digubal oleh Kerajaan. Setahu saya, akta ini adalah satu-satunya akta yang punya dua tarikh lahir. Akta yang dua kali dilahirkan, maksud saya.

Kelahiran pertama pada tahun 1959. Dua tahun selepas Malaya merdeka. Kelahiran kedua pada tahun 1963, tarikh negara kita Malaysia yang aman damai ini diwujudkan di mana Singapura, Sabah dan Sarawak turut menjadi anggotanya.

Tuan Yang di-Pertua, maka itulah, Akta Imigresen ini dinamakan Akta Imigresen 1959-1963. Atau, mungkin ada yang mengatakan bahawa akta ini bukan dua kali dilahirkan. Yang sebenar Akta Imigresen 1959 yang telah melahirkan Akta 1963.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun tanggapan kita, yang nyata ialah akta ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Ianya unik dari sudut penguatkuasaan. Walaupun Akta ini pada dasarnya dikuatkuasakan di seluruh negara tetapi duduk perkara yang sebenar penguatkuasaannya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak agak berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan ini bukannya disebabkan oleh kecuaiian Kerajaan ianya perbezaan yang disengajakan atas perundingan di antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, sewaktu hendak mewujudkan negara Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan penguatkuasaan ini termaktub di dalam Bahagian Ketujuh Akta 1959-1963 yang dinamakan dengan izin, Special Provision for East Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 65(1) Akta Imigresen 1959-1963 membuat peruntukan di mana di dalam menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Bahagian 1 hingga Bahagian 6, sebagai undang-undang khas untuk Sabah dan Sarawak; Pengarah Imigresen Sabah atau Sarawak mesti mematuhi semua arahan yang diberi kepadanya oleh Ketua-Ketua Menteri negeri-negeri itu.

Manakala Seksyen 65(2) memperuntukkan di mana sekiranya Pengarah Imigresen Negeri telah membuat tindakan sesuai dengan arahan-arahan Ketua Menteri sepetimana yang disebutkan di Seksyen 65(1) dan terdapat rayuan kepada Menteri, maksudnya Menteri Dalam

Negeri berhubung dengan tindakan itu, Menteri yang berkenaan hendaklah tidak membenarkan atau melayani rayuan itu tanpa persetujuan - saya ulangi, tanpa persetujuan Ketua-Ketua Menteri negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Sekyen 65 ini jelas maksudnya iaitu menggalakkan pemimpin-pemimpin Persekutuan dan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak untuk bekerjasama dalam soal-soal yang ditimbulkan dalam Akta Imigresen 1959-1963.

Tuan Yang di-Pertua, soal kerjasama ini akan saya tinggalkan dulu dan membangkitkannya semula di hujung ucapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, setahu kita, Akta Imigresen 1959-1963 ini digubal untuk tujuan mengawal kemasukan orang-orang asing ke negara kita ini tanpa sebarang dokumen yang sah. Tetapi sejak akhir-akhir ini soal pendatang haram ataupun soal pendatang tanpa izin telah menjadi polimik semasa. Soal pendatang haram adalah perkara yang serius kerana ianya berhubung kait rapat dengan perkara-perkara yang penting untuk rakyat negara ini iaitu bagi pendapat saya merangkumi 8 perkara, (1), masalah sosial; (2), masalah pendidikan; (3), masalah keselamatan; (4), masalah kesihatan; (5), masalah pekerjaan; (6), masalah perniagaan; (7), masalah kewarganegaraan dan (8), masalah pelancongan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebentar lagi saya akan huraikan masalah-masalah yang saya sebutkan itu. Dalam huraian saya nanti, saya akan tumpukan pandangan saya kepada pengalaman rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah kerana negeri Sabahlah telah didapati terlalu banyak pendatang haram atau pendatang tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 30.11.1988 sewaktu menjawab soalan Yang Berhormat Dr. Nordin Selat mengenai pendatang-pendatang haram atau tanpa izin ini, Menteri Dalam Negeri menjelaskan bahawa pendatang-pendatang tanpa izin di negara ini tidak diketahui banyaknya. Tetapi yang nyata ialah sejak tahun 1985 hingga bulan **Jun, 1988** sebanyak 86,540 orang pendatang tanpa izin yang telah ditangkap dan didakwa.

Dan 76,558 daripada jumlah itu telah dihantar keluar. Nasib baik, ongkos penghantaran keluar itu dibiayai oleh majikan-majikan tanpa izin itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita gembira mendengar berita bahawa ongkos penghantaran keluar pendatang-pendatang tanpa izin itu dibiayai oleh majikan masing-masing, ada ongkos-ongkos atau perbelanjaan lain yang tiada disebut oleh Menteri Dalam Negeri dan ongkos atau perbelanjaan lain ini akan saya hurai juga sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pendatang haram atau tanpa izin di negeri Sabah dan masalah yang berkaitan dengannya, untuk lebih jelas izinkan saya menghuraikan masalah itu satu persatu.

Pertama, masalah sosial. Masalah sosial yang saya maksudkan di sini ialah masalah interaksi atau pergaulan masyarakat. Oleh kerana angka pendatang haram ini terlalu banyak dan tidak diketahui dan boleh didapati di mana-mana, terutama sekali di bandar-bandar, pinggir-pinggir bandar dan persisiran pantai, khasnya di Pantai Timur Negeri Sabah, maka sedikit sebanyak orang-orang tempatan dapat dipengaruhi oleh pendatang tanpa izin ini membuat atau melakukan perkara-perkara yang melanggar undang-undang atau agama. Umpamanya, di Bandar Kota Kinabalu sebelum dekad 70an tidak ada masalah sosial pondan, tetapi sejak pendatang-pendatang haram ini datang setiap malam sebelum waktu maghrib didapati banyak pondan-pondan ini berkeliaran di sekeliling Bangunan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Pada mulanya bilangan pondan-pondan ini boleh dihitung dengan jari, tetapi semakin lama Semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan yang kita boleh ambil dari pertambahan bilangan pondan ini ialah mungkin perniagaan mereka laris kerana banyak pelanggan dan kalau tanggapan ini benar siapakah pelanggan-pelanggan itu? Apakah mereka ini semuanya terdiri dari golongan pendatang haram juga? Tuan Yang di-Pertua, mustahil. Pasti ada di antara terdiri dari rakyat kita. Kalaulah ini duduk perkara yang sebenar haruskah pihak Kerajaan membiarkannya?

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya betul bahawa lebih 95% jenayah yang menggunakan senjatapi itu dilakukan oleh pendatang tanpa izin, selebihnya itu dilakukan oleh rakyat Malaysia. Soalnya di manakah mereka memperolehi senjatapi-senjatapi itu? Jawapannya, gampang, mereka perolehi dari 'member' mereka yang terdiri dari golongan pendatang haram. Saya berani katakan begitu sebab sebagaimana yang kita semua sedia maklum di Malaysia ini memiliki senjatapi bukannya mudah dan, setelah mendapat kebenaran memiliki atau membawa senjatapi, membeli peluru bukan boleh dibuat sewenang-wenang. Pemilik-pemilik senjatapi terpaksa mendapat surat kebenaran dari polis sebelum dilayani oleh wakil-wakil atau pengedar senjatapi-senjatapi dan peluru yang berlesen. Kalaulah ini kedudukan yang sebenar haruskah Kerajaan membiarkannya?

Tuan Yang di-Pertua, di Pekan Semporna, sebuah pekan kecil yang letaknya disering laut di Pantai Timur Sabah, ada satu masalah besar yang dihadapi oleh nelayan-nelayan tradisional yang miskin. Masalah ini ialah masalah perlanunan. Nelayan-nelayan tradisional ini kalau keluar ke laut untuk menangkap ikan biasanya membawa lampu pom, konon cahaya lampu itu menarik minat ikan-ikan untuk mendekati perahu mereka. Saya difahamkan bahawa nelayan-nelayan yang

menggunakan lampu pora ini biasanya tangkapan mereka banyak daripada nelayan-nelayan yang tidak menggunakan lampu. Tetapi malangnya, cahaya lampu pom yang membawa berkat kepada nelayan-nelayan tradisional selama ini telah juga menarik minat perompak-perompak yang terdiri dari pendatang-pendatang tanpa izin. Yang sedihnya ialah hasil daripada rompakan itu seperti ikan, pukot dan enjin sangkut dijual kepada sindiket orang-orang tempatan. Kalaulah ini duduk perkara yang sebenar haruskah Kerajaan membiarkannya?

Kedua, masalah pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pendatang-pendatang haram ini tinggal di Sabah bertahun-tahun maka sudah tentu mereka ini akan beranak-pinak. Kalau tanggapan itu betul dan sememangnya betul apakah kanak-kanak ini kita persekolahkan di sekolah-sekolah Kerajaan atau oleh kerana mereka ini adalah anak-anak pendatang haram kita tidak beri mereka pendidikan? Dalam soal ini Kerajaan amnya dan Yang Berhormat Bong Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan khasnya akan berada di dalam dilema, Sebab pertama, kalau kita persekolahkan kanak-kanak pendatang haram ini atas sebab peri kemanusiaan, sudah tentu Yang Berhormat Menteri Kewangan terpaksa menyediakan banyak peruntukan untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk perbelanjaan membina bangunan sekolah tambahan di negeri Sabah untuk menampung keperluan dua golongan, iaitu anak-anak pendatang tanpa izin dan anak-anak orang tempatan. Kalau bangunan sekolah tidak ditambah, saya khawatir mungkin ada tempat-tempat kosong di sekolah yang seharusnya diberi kepada anak-anak orang-orang tempatan akan diberi kepada anak-anak pendatang haram. Tetapi sebaliknya, sekiranya pula kita tidak persekolahkan kanak-kanak pendatang haram ini atas sebab kita tidak

'legally' ataupun 'morally obligated' kepada mereka atau kita tidak mampu untuk membiayai persekolahan mereka, maka bukankah ini merupakan satu tindakan yang akan mengakibatkan sakit kepala kepada Menteri Kewangan dan Menteri Dalam Negeri yang tidak boleh diubati oleh Panadol?

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah tanpa pendidikan sekolah anak-anak pendatang tanpa izin ini 99.99% akan menjadi bakal penjenayah. Kalau tanggapan ini benar dan sememangnya benar maka Yang Berhormat Menteri Kewangan terpaksa menyediakan peruntukan tambahan kepada Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman untuk perbelanjaan seperti berikut:-

- (1) perbelanjaan pertambahan kakitangan polis;
- (2) perbelanjaan untuk membeli alat-alat untuk digunakan polis;
- (3) perbelanjaan untuk menambahkan bangunan-bangunan penjara;
- (4) perbelanjaan untuk menambah kakitangan penjara;
- (5) perbelanjaan untuk alat-alat di penjara;
- (6) perbelanjaan untuk makanan orang salah di penjara;
- (7) perbelanjaan untuk menambah bangunan mahkamah;
- (8) perbelanjaan untuk menambah kakitangan mahkamah; dan
- (9) perbelanjaan untuk menambah alat-alat di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Sabah memperuntukkan setiap tahun sebanyak 320 juta untuk minuman susu percuma dan pakaian seragam kepada penuntut-penuntut sekolah rendah. Dan sekiranya Yang Berhormat Menteri Pendidikan berpendapat, di ambil jalan kedua, ianya berpendapat bahawa anak-anak orang-orang pendatang tanpa izin ini harus diberi pendidikan di sekolah-sekolah kerana atas sebab peri kemanusiaan ataupun atas sebab supaya mereka menjadi masyarakat yang berguna. Saya rasa Menteri Kewangan Negeri Sabah akan juga dijangkiti oleh sakit kepala yang tidak boleh disembuhkan oleh Panadol, iaitu sakit kepala menyediakan peruntukan tambahan untuk program susu dan pakaian seragam percuma di sekolah-sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini duduk perkara yang sebenar haruskah Kerajaan membiarkannya?

(3) **Masalah Keselamatan.**

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan yang saya maksudkan di sini terbahagi kepada 3 perkara iaitu keselamatan individu, keselamatan harta individu dan keselamatan negara. Sewaktu menghuraikan masalah sosial dan pendidikan sebentar tadi, saya ada menyentuh sedikit tentang jenayah dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram ini merangkumi semua jenayah yang tercatat di dalam peruntukan-peruntukan Kanun Kesiksaan Negara, atau dengan izin, Penal Code, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Dadah Berbahaya dan sebagainya dan seringkali sewaktu membuat penjenayahan, senjata api atau senjata berbahaya yang lain digunakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk meyakinkan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini kepada perbahasan saya ini, izinkan saya perengarkan di sini secara ringkas dua kejadian di mana keselamatan individu telah terancam dan hampir terancam:

- (i) Pada tahun 1984 seorang Peguam teman akrab saya terkejut daripada tidurnya oleh jeritan seorang wanita yang memukul pintu flatnya. Wanita tersebut meminta tolong kerana seorang pemandu teksi yang berbangsa Tionghua yang tidak dikenalnya tersadai berlumuran darah di hadapan kedainya. Peguam itu menghantar mangsa jenayah itu ke rumah sakit Sandakan, tetapi yang sedihnya tepat jam 2.00 pagi, 2 jam selepas kejadian itu berlaku pemandu teksi itu meninggal

dunia oleh kerana terlampau banyak darah yang keluar dari badannya yang ditikam oleh penjenayah dan polis mensyaki bahawa penjenayah itu adalah pendatang haram.

- (ii) Pada bulan Februari tahun ini lebih kurang jam 6 petang saya, isteri saya dan dua orang anak lelaki saya yang masing-masing berumur 6 tahun dan 3 tahun membeli belah di sebuah Supermarket yang tidak jauh dari Country And Golf Club. Tiba-tiba muncul 3 orang pemuda yang bersenjata pistol merampas wang dari Cash Register dan isteri saya berdiri di belakang orang itu cuma barangkali 3 kaki. Takut, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan sahaja yang tahu. Itu pengalaman saya sendiri. Mujur tidak ada siapa yang tercedera. Dalam masa 3 minit mereka melarikan diri dengan menggunakan motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali ada berlaku penjenayahan sememangnya ada sahaja harta benda individu yang terlibat. Dengan itu tidak perlu saya beri contoh yang spesifik, dengan izin. Menyentuh tentang keselamatan negeri ataupun negara, juga saya fikir saya tidak perlu huraikan di sini dengan panjang lebar kerana searif-arifnya saya mengenai dengan soal ini arif lagi Menteri Dalam Negeri dengan keadaan yang sebenarnya. Biarlah Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini membuat kesimpulan masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, kalau ini duduk perkara yang sebenar yang sememangnya benar haruskah Kerajaan membiarkannya?

(4) **Masalah Kesihatan**

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan yang dimaksudkan di sini ialah

kesihatan pendatang-pendatang tanpa izin itu sendiri dan kesihatan rakyat Malaysia di Sabah. Beberapa bulan yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, terpapar di mukasurat pertama suratkhobar-suratkhobar tempatan di Sabah menceritakan satu kejadian buruk terjadi di Pulau Gaya yang letaknya lebih kurang satu batu setengah daripada Kota Kinabalu. Penghuni Pulau Gaya ini adalah terdiri dari suku kaum Bajau, Suluk dan Binadan dan pada umumnya mereka ini adalah rakyat Malaysia. Setelah berita ini tersiar pegawai-pegawai dari Jabatan Kesihatan berkejar ke Pulau Gaya untuk menyiasat penyakit apa yang timbul di pulau itu yang tidak semena-mena sebanyak 46 orang terkorban, mati dalam jangka masa beberapa hari sahaja. Didapati penyakit yang merebak itu ialah demam campak, dan didapati seterusnya yang terkorban itu kebanyakannya bukan rakyat Malaysia. Di waktu itu timbul persoalan siapakah mereka ini, adakah mereka ini pendatang tanpa izin atau pelarian. Tadi saya cuba menyentuh pendatang tanpa izin, sekarang ini persoalan timbul, adakah mereka ini pendatang tanpa izin atau pelarian. Wakil UNHCR, United Nation High Commissioner for Refugees, dengan izin, di Sabah menyatakan bahawa orang-orang yang terkorban itu bukannya pelarian tetapi pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua untuk mengelakkan kekeliruan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini perlu dijelaskan perbezaan antara pendatang-pendatang tanpa izin dan pelarian. Nanti di penghujung perbahasan ini akan saya huraikan perbezaannya. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan Malaysia ini adalah Kerajaan yang bertanggungjawab dan Kerajaan yang berperikemanusiaan maka

tidak kira rakyat siapa, rawatan kepada semua yang dijangkiti oleh pesakit demam campak di Pulau Gaya itu dikendalikan juga oleh Kerajaan dan ongkos-ongkos rawatan itu berapa jumlahnya, saya tidak tahu, yang mengetahui cuma pegawai-pegawai Jabatan Kesihatan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, telah saya nyatakan sebentar tadi bahawa Pulau Gaya itu cuma lebih kurang satu batu atau satu setengah batu daripada bandar Kota Kinabalu dan pada umumnya didiami oleh rakyat Malaysia dan oleh kerana pendatang-pendatang haram ini tadi duduk setempat dengan orang-orang tempatan maka sedikit sebanyak ada rakyat Malaysia yang dijangkiti oleh penyakit itu. Mujurlah Jabatan Kesihatan bertindak cepat. Kalau tidak mungkin banyak lagi rakyat Malaysia yang terkorban. Tuan Yang di-Pertua, bayangkan akibatnya kalau sekiranya Pulau Gaya bukan pulau yang dikelilingi oleh air yang boleh dikawal rapi dengan senang, kalau ianya cuma satu batu dari Kota Kinabalu tetapi boleh menghubungi Kota Kinabalu dengan bermacam-macam cara. Bayangkan akibatnya kepada rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari perbelanjaan untuk mengubati mereka yang terkena penyakit di Pulau Gaya seperti yang disebut tadi, perbelanjaan untuk mengubati pendatang-pendatang haram dan anak-anak mereka setiap hari dilakukan di rumah-rumah sakit, di klinik-klinik yang bertaburan di negeri Sabah. Sebab itulah mungkin Kementerian Kesihatan pada tahun 1989 telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan sebanyak \$209 juta. Jikalau ini duduk perkara yang sebenar Tuan Yang di-Pertua, yang sememangnya benar, haruskah Kerajaan membiarkannya?

(5) Pekerjaan

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa ada rungutan dari pihak-pihak yang tertentu, khususnya rakyat Malaysia yang menganggur di Sabah yang menuduh bahawa kehadiran pendatang tanpa izin ini mengurangkan peluang-peluang mereka dari diberi pekerjaan oleh majikan-majikan yang sememangnya berkecimpung di dalam bidang perniagaan semata-mata untuk mengaut keuntungan yang banyak sebab:

- (a) Pendatang tanpa izin ini murah gajinya;
- (b) Pendatang tanpa izin ini tidak perlu dibayar EPFnya;
- (c) Pendatang tanpa izin ini tidak perlu dibayar SOCSOnya;
- (d) Pendatang tanpa izin ini tidak perlu didaftarkan di Pejabat-pejabat Buruh;
- (e) Pendatang tanpa izin ini tidak perlu dibayar cukai pendapatannya oleh majikan;
- (f) Pendatang tanpa izin ini boleh dibuang kerja bila-bila masa sahaja kerana tidak dibela oleh sesiapa;
- (g) Pendatang tanpa izin ini kalau sakit tidak dibiayai perbelanjaan perubatannya.

endek kata semua ini mengurangkan kos majikan-majikan, maka mereka diberi priority untuk bekerja di tempat-tempat perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya setiap Kerajaan sesebuah negara itu sama ada Kerajaan belum membangun, sedang membangun ataupun yang membangun mempunyai satu matlamat iaitu matlamat menghapuskan masalah pengangguran di kalangan rakyatnya, kerana pengangguran itu adalah merupakan punca bermacam-macam masalah seperti jenayah, kurang pendidikan, keruntuhan, iman dan moral, rumahtangga purak-peranda dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini duduk perkara yang sebenar, haruskah Kerajaan membiarkannya?

(6) **Perniagaan**

Tuan Yang di-Pertua, di samping ada sungutan dari orang-orang yang tertentu seperti yang saya sebut sebentar tadi, ada juga majikan-majikan yang meminta dan merayu kepada Kerajaan agar pendatang tanpa izin tidak dipulangkan demi untuk kepentingan ekonomi negara, malahan ada majikan-majikan terutama sekali pemilik-pemilik estet yang mengatakan, bahawa, tanpa kehadiran pendatang-pendatang haram ini, sektor pertanian di negara ini akan merosot prestasinya dan kalau sektor pertanian merosot prestasinya, sememangnya ini akan mempunyai akibat yang buruk kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kedudukan imbalan pembayaran ataupun, dengan Izin, balance of payment,

Tuan Yang di-Pertua, untuk lebih jelas lagi, izinkan saya memberi penjelasan mengenai dengan andaian tanpa pendatang haram, ekonomi negara merosot.

Tuan Yang di-Pertua, tahukah Tuan Yang di-Pertua bahawa negara kita Malaysia ini mengeluarkan biji koko untuk dieksport ke luar negeri dalam musim 1987-1988 sejumlah 175,500 tan metrik? Tahukah

Tuan Yang di-Pertua bahawa 72% daripada jumlah pengeluaran ini dihasilkan oleh sektor estet, 22% dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil dan yang bakinya dikeluarkan oleh skim-skim Kerajaan? Tahukah Tuan Yang di-Pertua bahawa 63% daripada jumlah pengeluaran ini atau 110,900 tan metrik daripada jumlah pengeluaran ini datangnya dari Sabah, 57,000 tan metrik dikeluarkan dari Semenanjung Malaysia dan 7,600 tan metrik dikeluarkan dari Sarawak? Tahukah Tuan Yang di-Pertua bahawa jumlah pengeluaran negara kita Malaysia dalam musim 1988-1989 dijangka menjangkau ke paras 224,000 tan metrik; 152,000 tan metrik daripada jumlah itu dari Sabah, 62,000 tan metrik dari Semenanjung Malaysia dan 10,000 tan metrik dari Sarawak. Dan penghabisan, tahukah Tuan Yang di-Pertua bahawa jumlah biji koko yang kita eksport ke luar negeri itu pada tahun 1987 telah meningkat sebanyak 33% daripada tahun yang sudah-sudah dan harga jualan daripada tahun itu ialah \$870 juta, harga jualan koko yang dieksport ke luar negeri pada tahun 1987 berjumlah \$548 juta.

Kalaulah ini benar, pekerja-pekerja di estet-estet koko itu kebanyakannya terdiri dari pendatang-pendatang tanpa izin dan mereka ini dipulangkan semula tahun depan ataupun tahun-tahun selepas itu, misalnya, maka apa yang kita katakan di sini, apa yang majikan katakan di sini ialah kedudukan imbalan pembayaran kita atau, dengan izin, balance of payment kita akan menurun beratus-ratus juta tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini, dalam perkara ini, Kerajaan betul-betul dalam dilemma kerana kalau andaian saya ini betul, maka kita akan rugi beratus-ratus juta, kalau pendatang tanpa izin ini kita pulangkan semula tetapi sebaliknya kalau kita biarkan, masalah sosial, pendidikan, keselamatan, kesihatan, pekerjaan, kewarganegaraan, pelancongan akan menebal, ada pros and cons, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini duduk perkara yang sebenar, haruskah Kerajaan membiarkannya iaitu tidak mencari penyelesaian?

Jadi, kesimpulan dari andaian saya itu tadi, Kerajaan dalam dilemma untuk mempertimbangkannya apa yang harus dibuat.

(7) **Kewarganegaraan**

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ada polimik pendatang tanpa izin ini, masalah mempertikaikan kewarganegaraan tidak timbul. Di Sabah sekarang ini masalah ini sudah meluas. Untuk lebih jelas lagi, biar saya huraikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bumiputera miskin, rakyat Malaysia ini semuanya tinggal di kampung-kampung yang terpencil jauh daripada bandar dan pekan-pekan, malah ada kampung-kampung yang tidak boleh dihubungi oleh kenderaan. Jadi, masalah ini ialah kalau mereka ini beranak-pinak biasanya bidan kampung yang tidak bertauliah yang menguruskan hal ehwal kelahiran itu dan oleh kerana jauh terpencil dari bandar atau pekan dan atas sebab kemiskinan, atau atas sebab tidak tahu undang-undang, maka anak-anak yang dilahirkan itu tidak terdaftar kelahirannya atau terlambat didaftar kelahirannya dan akibatnya ialah:

- (i) tanpa didaftar kelahiran, tidak ada Surat Beranak;
- (ii) tanpa Surat Beranak, tidak boleh memohon Kad Pengenalan;
- (iii) tanpa Kad Pengenalan, tidak boleh duduk peperiksaan;
- (iv) tanpa Kad Pengenalan, tidak boleh mengundi.

Dan bagi mereka pula yang dapat mendaftar tetapi terlambat atas sebab yang saya sebutkan tadi, menghadapi bermacam-macam kesulitan.

Kesulitan seperti disoal siasat oleh pegawai-pegawai pendaftaran kenapa lambat mendaftar. Dahulu ini tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini timbul. Maklumlah keadaan sekarang ramai orang-orang asing yang mengaku rakyat Malaysia sehingga pihak Jabatan Pendaftaran Negara terpaksa merampas dan membinasakan Kad-kad Pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini duduk perkara yang sebenar, haruskah Kerajaan membiarkannya?

(8) **Pelancongan**

Tuan Yang di-Pertua, di Bumi Kenyalang iaitu Sarawak dan Tanah Di bawah Lindungan Bayu iaitu Sabah, terdapat tempat-tempat menarik untuk pelancongan. Persisiran pantai negeri Sabah cantik-cantik pemandangannya yang pasti menarik pelancong luar negeri. Tetapi yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, apa lagi pelancong luar negeri yang akan datang, sedangkan orang-orang tempatan tidak berkunjung ke tempat-tempat ini kerana takut kepada kegiatan perlanunan dan rompakan yang biasanya dilakukan oleh pendatang-pendatang haram. Maka, dengan yang demikian musnahlah harapan kita untuk mengaut keuntungan dari industri pelancongan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini duduk perkara yang sebenar, haruskah Kerajaan membiarkannya?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh kembali kepada satu persoalan yang saya sebutkan tadi mengenai dengan ongkos yang ditanggung oleh Kerajaan di dalam soal menangkap, mendakwa dan menghantar pulang pendatang-pendatang haram yang tidak disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyatakan dalam jawapannya kepada soalan Yang Berhormat Dr Nordin Selat, bahawa dalam masa 3 tahun mulai tahun 1985 hingga Jun, 1988, sejumlah 86,544 orang pendatang haram di negara ini yang telah ditangkap dan didakwa dan 76,558 daripada jumlah itu telah dihantar pulang ke negara masing-masing.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam menjawab satu soalan tambahan daripada Yang Berhormat Tuan, Azumu bin Tak, menyatakan bahawa ongkos penghantaran keluar ini dibiayai oleh majikam masing-masing. Tetapi tahukah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika seseorang itu ditangkap oleh polis atas sesuatu kesalahan biasanya ditahan selama dua minggu untuk disoal siasat sebelum dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan dan dalam masa penahanan selama dua minggu ini, benarkan setiap yang tertuduh itu diberi makan oleh Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya belanja makan seorang sehari setiap orang yang ditahan atau tertuduh itu \$5, ambillah contoh \$5, ini bermakna Kerajaan telah berbelanja sebanyak \$432,720 sehari untuk 86,544 pendatang haram yang ditahan dan menurut perkiraan saya lagi Kerajaan telah berbelanja sebanyak \$6,058,080 untuk makanan

86,544 orang dalam masa 14 hari, dari tahun 1985 hingga Jun, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, wang lebih \$6.0 juta itu boleh menampung elaun-elaun 50 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini selama lebih 4 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum membuat rumusan kepada andaian, fakta-fakta dan ramalan yang telah saya bantangkan dari mula sehingga kini, izinkan saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada satu perkara penting, yang saya sentuh awal-awal tadi, perkara ini ialah apakah perbezaan di antara pendatang tanpa izin dan pelarian?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pelarian dalam konteks perbahasan ini adalah rakyat Filipina yang datang ke Sabah mulai dekad 1960an akibat pergolakan di Filipina dan Kerajaan terpaksa menerima mereka ini di atas peri kemanusiaan. Menurut maklumat yang diterima dari pejabat UNHCR, dengan izin, Uniced Nations High Commissioner for Retugees di Manila sejumlah 190,000 pelarian berada di Sabah di bawah kelolaan badan itu. Pendatang haram tanpa izin pula adalah rakyat Filipina dan Indonesia yang datang ke Sabah sejak tahun 1978 untuk tujuan mencari pekerjaan.

Setakat ini menurut bancian yang dijalankan oleh Institute for Development Studies, Kota Kinabalu, dengan izin, terdapat 78,000 pendatang tanpa izin. Jadi jumlah rakyat Filipina dan Indonesia di Sabah sekarang menurut maklumat ini ialah 268,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah rakyat Perlis ialah lebih kurang 160,000. Ini bermakna lebih banyak rakyat Filipina dan Indonesia di Sabah dari rakyat Perlis di negeri Perlis sendiri. Untuk maklumat

lanjut, Kerajaan membenarkan golongan pelarian ini tinggal di Sabah buat sementara waktu, selaras dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, manakala golongan pendatang tanpa izin Filipina di Sabah tidak diberi apa-apa status dan jika didapati akan dihantar keluar.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun perbezaannya masalah yang timbul akibat kehadiran orang-orang ini adalah sama seperti yang saya huraikan sebentar tadi. Kalaulah ini duduk perkara yang sebenar, haruskah Kerajaan membiarkannya?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita rumus fakta-fakta, andaian, tinjauan dan ramalan yang saya bentangkan itu, maka kita dapati kesimpulan seperti berikut:

- (i) keselamatan rakyat, harta rakyat dan keselamatan negara terancam;
- (ii) peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat terjejas;
- (iii) kesihatan rakyat terancam; dan
- (iv) Kerajaan terpaksa membelanja kewangan yang banyak yang bukan dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kesimpulan yang saya sebutkan itu benar, tidakkah Kerajaan sekarang ini seperti pepatah Melayu yang saya sebut awal-awal tadi, "kera di hutan disusukan, anak di pangkuan dibiarkan".

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya setuju dengan pendirian Kerajaan dengan mengamalkan sikap berperikemanusiaan terhadap hamba-hamba Allah yang menderita. Berhubung dengan perikemanusiaan ini,

saya ingin perengarkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini sebuah pantun yang berbunyi, dengan izin;

Apa diharap padi seberang

Entah berbuah entahkan tidak

Apa disayang kepada orang

Entah berkorban entankan tidak.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari keadaan yang sebenar, maka Kerajaan Negeri Sabah bertungkus-lumus membanting tulang dan memeras otak untuk mencari jalan mengatasi masalah yang dihadapi. Tetapi oleh kerana kuasa-kuasa Kerajaan Negeri mengenai dengan hal orang-orang asing terhad sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Imigresen 1959 dan 1963, maka usaha-usaha Kerajaan itu mengalami kebuntuan tanpa kerjasama penuh, saya ulangi, tanpa kerjasama penuh dari pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, awal-awal tadi ada saya ada sebut seksyen 65(1) dan seksyen 65(2), kedua-dua seksyen ini cuma boleh dipergunakan dalam pendapat saya sekiranya ada kerjasama di antara dua pihak iaitu di antara pegawai-pegawai tinggi dari Kerajaan Persekutuan dan pegawai-pegawai tinggi dari Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Untuk lebih jelas lagi, izinkan saya melafaskan kembali seksyen 65(1) dan seksyen 65(2) yang berbunyi, dengan izin:

"65(1) In exercising of his powers under Part I to Part VI (this is a special law for East Malaysian States) the Director shall comply with any directon given to him by the State authority."

Maknanya di sini, Ketua Menteri Kerajaan kedua-dua buah negeri - "the Director shall comply with any direction". Manakala seksyen 65(2) berbunyi begini:

"65(2) Where the Director takes any action in obedience or purported obedience to any direction given under sub-section (1) and there is an appeal to the Minister against that action, the Minister shall not allow the appeal without the concurrence of the State authority."

Mengikut pengertian saya kepada dua peruntukan itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah perkataan "shall comply with any direction given to him by the State authority" menegaskan satu galakan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan bekerjasama dalam menguatkuasakan tujuan seksyen itu kerana kalau tidak ada kerjasama seksyen ini tidak boleh dikuatkuasakan, kerana Director of Immigration di Sabah tidak boleh menjalankan tugas-tugasnya tanpa kerjasama daripada State authority, dengan izin. Begitu juga State authority tidak boleh menjalankan kuasa-kuasanya di bawah special provision ini tanpa kerjasama daripada pegawai-pegawai daripada Kerajaan Persekutuan, manakala perkataan "the Minister shall not allow the appeal without the concurrence of the State Authority" juga bagi pendapat saya bermaksud menggalakkan semangat kerjasama". "Concurrence," persetujuan, Menteri yang berkenaan tidak harus melayani sebarang rayuan daripada pihak-pihak yang tertentu tanpa 'concurrency' persetujuan daripada 'State authority', Kedua-dua seksyen ini menyebut semangat kerjasama.

Oleh hal yang demikian sesuai dengan semangat Seksyen 65(1) dan (2) Akta Imigresen 1959-1963 maka, Tuan Yang di-Pertua, tinggi Gunung Kinabalu itu, tinggi lagi harapan saya semoga kedua-dua belah pihak yang bertanggungjawab dengan soal orang-orang asing ini berganding bahu untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi ini, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya maklumkan bahawa orang-orang asing di Sabah itu terdiri dari dua golongan iaitu pelarian dan pendatang tanpa izin. Pelarian yang berada di Sabah ini datang ke Sabah dalam awal dekad 70an. Pendatang haram datang berduyun-duyun sejak tahun 1978. Berhubung dengan kedatangan mereka ini timbul beberapa persoalan iaitu satu, dengan cara mana mereka ini datang ke Sabah.

Kedua, melalui pintu mana mereka ini masuk, dan

Ketiga, sesudah berada di Sabah, cara apa boleh mereka tinggal tanpa dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita umpamakan Malaysia ini sebagai sebuah bangunan, maka sudah tentu kita boleh mendapat jawapan kepada ketiga-tiga persoalan yang saya sebutkan sebentar tadi. Sebab mereka ini bukannya burung atau bukannya orang-orang halus yang tidak boleh dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum, Sabah itu letaknya di utara Pulau Borneo. Sebagaimana juga yang kita

semua maklum, biasanya pulau itu dikelilingi air. Jadi macam mana mereka iai datang? Melalui pesawat kapalterbang? Tidak mungkin. Kalau mereka menggunakan dengan alat itu, pasti ini jawapannya, "mereka ini melalui pintu hadapan boleh dikesan". Melalui kenderaan darat? Tidak mungkin, oleh kerana Sabah itu adalah terletak di utara Pulau Borneo dan saya jelaskan tadi bahawa pulau itu biasanya dikelilingi air.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kepada persoalan-persoalan kemasukan pendatang haram ke Sabah ini senang jawapannya, bagi pendapat saya. Kata budak-budak tidak sampai Sifir 1, siapa yang tahu Sifir "0" boleh menjawabnya, dan takkan Menteri Dalam Negeri tidak tahu Sifir "0".

Walau bagaimanapun, untuk makluman Tuar Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia, ini, pendatang-pendatang haram ini masuk melalui tempat-tempat seperti berikut:-

- (i) Semporna, sebab Semporna itu dekat dengan kepulauan Filipina seperti Pulau Sitangkai;
- (ii) Tawau, sebab Tawau dekat dengan Nunukan, Indonesia;
- (iii) Sandakan, sebab Sandakan itu dekat dengan Pulau Taganak, Filipina;
- (iv) Lahad Datu, sebab Lahad Datu itu berdekatan dengan Sabuanga.
- (v) Pulau Labuan, sebab Labuan itu adalah pelabuhan bebas dan perniagaan barter trade dibenarkan di Labuan.

Pendatang-pendatang haram ini datang ke Negeri Sabah melalui Pulau Labuan. Setelah sampai di Labuan mereka menaiki pesawat kapalterbang ke Kota Kinabalu. Setelah sampai di Kota Kinabalu tidak ada Immigration checks - pintu hadapan yang tidak boleh dikesan. Cara mereka masuk ini sudah kita tahu melalui kenderaan laut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengetahui cara mereka datang dan di pintu mana mereka masuk, maka tahulah cara kita mengawasi mereka ini. Caranya, perbanyakkan kakitangan Imigresen di tempat-tempat yang dinyatakan itu. Perbanyakkan kakitangan Marine Police di tempat-tempat yang dinyatakan itu untuk meronda perairan tempat-tempat itu. Ketiga, adakan pemeriksaan Imigresen kepada pelawat-pelawat daripada Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dibuat oleh Kerajaan, saya percaya masalah berhubung dengan pendatang haram ke negara ini tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu membahas tadi, saya tidak sama sekali menyentuh bahawa saya ini tidak bersetuju dengan kehadiran orang-orang ini. Saya tidak ada mengatakan sekali pun yang saya tidak bersetuju. Saya cuma mengutarakan atau membentangkan fakta-fakta yang ada. Saya cuma membentangkan persoalan-persoalan yang diutarakan oleh rakyat biasa. Saya cuma dapat mencadangkan cara apa yang kita boleh buat. Terpulang kepada Kerajaan untuk melaksanakannya. Saya sudah sebut juga bahawa saya setuju dengan ungkapan yang diketahui umum iaitu perikemanusiaan adalah inti keadilan.

Setelah mengemukakan segala tanggapan, fakta, tinjauan ramalan itu tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak panjangkan lagi untuk berhujah kerana saya rasa kalau saya panjangkan, nanti kurang adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Maka dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya pindaan kepada Akta Imigresen 1959/1963 ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan R.M. Jasni.

5.06 ptg.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil bahagian dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959-1963 yang dinamakan Akta Imigresen (Pindaan) 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri semalam dan juga pada petang tadi.

Pembentangan pindaan Akta ini amatlah dialu-alukan dan saya lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana kewaspadaan menghadapi pertambahan ramainya warganegara asing memasuki atau tinggal di negara ini. Dalam perbahasan ini, oleh kerana rakan senegeri saya Yang Berhormat Pendikar Amin telah memberi beberapa fakta dan berhujah dengan terperinci maka dalam perbahasan ini saya rasa saya hanya main gendang sahaja kerana rythmnya telahpun dimainkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pun pembentangan Akta ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dengan huraian yang terang dan jelas, saya sedar pindaan ini adalah tepat pada waktunya,

sesuai dan wajar dibuat memandangkan Malaysia sudah menjadi seolah-olah syurga kepada orang-orang luar datang ke negara ini mencari rezeki terutamanya pendatang-pendatang tanpa izin atau mereka yang sengaja menamakan diri sebagai pelarian-pelarian.

Di samping kita berusaha menjadikan negara Malaysia negara pelancongan dan perindustrian maka ia sudah pasti akan menjadi tumpuan kepada warganegara asing memasuki dan mendiami negara ini. Dalam keghairahan kita menjemput para pelancong dan ahli perindustrian masuk ke negara ini, ia semacam sudah terdedah dengan bermacam ragam pengaruh luar yang baik dan yang buruk. Oleh itu kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam Akta ibu Imigresen seharusnya diperbaiki supaya menguatkan lagi kuasa kawalan Ketua Pengarah Imigresen ke atas seseorang yang melanggar undang-undang tinggal di Malaysia atau menyalahi undang-undang masuk atau memasuki semula ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berwaspada, yang kelihatan emas itu tidak semestinya emas tulin. Mereka haruslah diawasi dan diambil tindakan tegas sekiranya kehadiran mereka itu mengeruhkan suasaana politik, ekonomi dan sosial negara ini. Mereka yang memudaratkan keselamatan awam, membawa penyakit, bermoral buruk, haruslah diambil tindakan berani dengan pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tumpukan perbahasan ini dengan maksud apa yang berlaku di Sabah. Sebagaimana yang saya katakan tadi apa yang berlaku di Sabah telahpun diperincikan dan saya fikir apa yang terjadi di Sabah mungkin tidak berlaku di Semenanjung ini walaupun negara ini menghadapi masalah yang serupa dengan penyusupan pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Pendatang haram termasuk mereka yang dikategorikan sebagai pelarian dari Filipina yang jumlahnya sudah ratusan ribu, tidak termasuk yang datangnya dari Indonesia melalui Sebatik, sudah lama menonjol sebagai suatu masalah politik, ekonomi dan sosial di Sabah. Mereka selalu dikaitkan dengan kejadian rompak, bunuh, pecah rumah, mencuri, rogol dan pelacuran. Ini tidak termasuk dengan masalah serangan-serangan lanun yang berani dan nekad di kawasan Pantai Timur Sabah seperti kawasan Semporna, Lahat Datu, Kudat, Tawau dan tempa-tempat yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pandikar Amin tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah tidak adil bagi saya mengecam kesemua pendatang di negara ini sebagai orang jahat. Di antara mereka ada orang yang baik - bila mendapat kerja, dibuat dengan tekun dan rajih. Orang Bugis, misalnya, mengisi tanah-tanah kosong yang terbiar, bertani dan mengeluarkan hasil tani dan mengisi pasar-pasar di Sabah. Lainnya mengisi kekosongan tenaga buruh di semua sektor perladangan dan kem-kem balak. Selebihnya dari membaiki dan mengilap kasut di lorong-lorong kedai, berjaja segala jenis barangan, menjual sayur dan ikan di pasar-pasar, mengisi kelab-kelab hiburan termasuk lorong-lorong gelap yang sunyi, bekerja di

kedai-kedai kopi, kedai-kedai makan, membawalah kepada membuat bengkel membaiki kereta dan mengisi kekurangan tenaga di beberapa sektor pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, gambarkanlah bagaimana perasaan orang Sabah dengan dilema iai. Di samping kami gembira kerana kehadiran mereka sebagai penggerak ekonomi Sabah, tetapi anak-anak tempatan khasnya dan warganegara Malaysia umumnya sudah kehilangan peluang pekerjaan. Apakah iai baik dalam jangka panjang negara ini dalam memantapkan kemerdekaannya untuk rakyat atau apakah ini satu kebanggaan sebagai rakyat dan bangsa yang merdeka? Marilah kita jawab bersama. Tetapi bagaimanapun, kita tidak mahu keadaan ini berterusan di mana semua peluang pekerjaan diisi oleh bukan warga negara Malaysia, kerana akhirnya kita menjadi satu bangsa yang merdeka tetapi tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya ada unsur-unsur yang membuat seolah-olah kedatangan mereka itu seperti digalakkan dan seperti amat diperlukan. Para majikan ladang perindustrian balak atau baik orang perseorangan yang menggajikan pendatang-pendatang haram ini, langsung tidak menaruh kepercayaan atas kebolehan dan kesanggupan anak-anak tempatan bekerja kerana dianggap mereka tidak sanggup menghadapi cabaran, selalu minta cuti dan sebagainya. Para majikan merasakan sikap pekerja serupa ini mengurangkan untung para majikan. Maka sebab itu kebanyakan para majikan mengambil pekerja mereka dari pendatang-pendatang haram walaupun menyalahi undang-undang buruh yang tidak membenarkan para majikan memberi pekerjaan kepada rakyat asing yang tidak mempunyai pas kerja. Mereka yang berbuat

demikian selepas Akta ini diluluskan akan ditakrifkan sebagai pelindung dan harapan saya, Kerajaan terutamanya Kementerian. Buruh akan bertindak tegas kepada mereka yang menyediakan syurga kepada pendatang-pendatang haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa walau apa pun Akta yang kita gubal, soal kedatangan atau penyusupan pendatang tanpa izin ini tidak dapat dihapuskan, lebih-lebih lagi dalam keadaan sektor perladangan yang kekurangan pekerja mengharapkan tenaga dari luar untuk mengusahakannya. Bagaimanapun, janganlah kerana tenaga mereka diperlukan, kita bersikap kurang tegas dan membelakangkan kepentingan dan kesejahteraan warganegara sendiri. Kita hanya memerlukan kepada mereka yang benar-benar diperlukan. Yang lainnya hendaklah ditangkap dan dihantar pulang. Pergiatkanlah sekatan-sekatan jalan dan jalanraya pada setiap waktu untuk mengesan mereka yang tidak diperlukan. Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen hendaklah mengadakan unit penerimaan maklumat dari orangramai tentang kegiatan pelindung dan gerak-langkah pendatang-pendatang haram ini. Sekiranya langkah-langkah ini sudah dibuat saya ucapkan tahniah kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan terutamanya kepada anggota-anggota Polis DiRaja Malaysia yang berhujan berpanas dalam mengadakan sekatan-sekatan jalan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, sukalah saya menyarankan bahawa operasi dan serbuan untuk mengesan dan menangkap pendatang-pendatang haram itu hendaklah dipergandakan meliputi semua sasaran tertentu di ladang-ladang, kem-kem balak, pub-pub, pasar-pasar, kedai-kedai Snooker dan tempat-tempat yang difikirkan berlaku

perbuatan melindungi pendatang-pendatang haram ini. Para majikan ladang, kilang dan kedai-kadai makan hendaklah menghantarkan laporan bulanan yang betul kepada Jabatan Buruh mengenai pekerja-pekerja mereka supaya sekurang-kurangnya Jabatan Buruh dapat menganggar bilangan warganegara asing ataupun pendatang-pendatang haram yang bekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan Akta ini tidak terletak kepada beberapa banyak sub-seksyen yang terkandung di dalamnya, tetapi bergantung kepada amalan dan tindakan positif yang diamanahkan kepada jentera pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pendatang tanpa izin yang menyusup masuk ke negara ini adalah berhubung rapat dengan kawalan sempadan perairan kita terutama di kawasan Laut Sulu. Oleh kerana kawasan perairan ini sangat luas, sedangkan kelengkapan dan kemampuan kita terhadap, maka serangan nekad, dari lanun ganas tidak silu-silu mendarat di siang hari di kawasan Pantai Timur Sabah. Saya berharap dengan pembelian senjata sejumlah S4.6 billion dari Britain dalam jangka masa lebih 10 tahun itu, dapat sebahagiannya digunakan bagi memperbaiki lagi keadaan kawalan di Laut Sulu. Sungguhpun ramai yang terkilan dengan pembelian ini, terutama mereka yang kononnya bercinta keamanan tetapi bagi saya keamanan tidak dapat tercapai kalau kita lemah sedangkan sekarang seperti yang kita semua baca di dalam suratkhbar ada ahli politik negara jiran yang memandang kita ini sebagai warganegara monyet 'you are monkeys. Malaysians are monkeys', dengan izin - ekoran penangkapan nelayan-nelayan mereka yang menceroboh masuk menangkap ikan di perairan negara ini.

Sebenarnya siapakah itu the monkeys? Siapakah monyet? Pihak yang menceroboh masuk atau yang mahu menggunakan undang-undang untuk menegakkan tamadun manusia? Banyak yang terasa dalam dada ini, yang hendak dipercakapkan. Tetapi oleh sikap Presiden Aquino begitu tenang, tidak mudah dikuasai oleh emosi kerana beliau lebih mengutamakan perundingan daripada kata-kata kurang bertamadun dan demikian pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menerima anggapan monyet itu setenang air di tasik demi kepentingan ASEAN dan keamanan rantau iai maka kita pun ikut tenang juga. Tetapi dalam hati ini terus berkata, kalau mahu tahu, kirimkan kepada kami gadis-gadis cantik untuk kami kahwini supaya kami dapat pastikan apabila nanti perkahwinan melahirkan anak, bolehlah diketahui sama ada yang lahir itu anak monyet atau anak Malaysia yang bermaruah **[Tepuk]** dan berperikemanusiaan.

Bagaimanapun, kita anggap ahli politik tersebut hanya ingin bergurau sahaja. Saya pun ingin bergurau juga di Dewan ini. Hai angin sampaikan salamku kepadanya. Katakan: Jangan lenglah-lenglah, jangan lambat-lambat, segeralah mengambil pulang pendatang-pendatang haram dan pelarian dari negaramu, supaya mereka tidak menjadi monyet tinggal lama-lama di negara yang dianggap penduduknya monyet ini. Itulah pesanan saya, wahai angin!

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada pembelian senjata tadi, harapan saya belilah senjata yang baik. Jangan lagi ada orang mengatakan kapalterbang kita banyak yang terhempas dari yang terbang. Saya sebenarnya tidak bersetuju dengan pendapat itu. Bagi saya, banyaknya hampir sama, yang terhempas dan yang terbang.

Tetapi setelah pembelian yang disebutkan tadi untuk menggantikan yang terhempas itu, saya harap tidak ada lagi yang menjunam ke laut China, semua terbang megah di angkasa kita sebagai meminjukkan keperibadian bangsa yang bermaruah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya suka saya menyentuh tentang peraturan imigresen yang dikenakan kepada para usahawan dari Semenanjung di mana setiap 3 bulan sekali mereka mesti datang ke Pejabat Imigresen untuk membaharui tempoh tinggal selama 3 bulan di Sabah kerana setiap 3 bulan mereka mesti datang ke Pejabat Imigresen.

Saya ingin sarankan bahawa dengan pindaan subseksyen 1(b) yang memberi kuasa kepada ketua Pengarah Imigresen menggunakan budibicara mutlaknya untuk memberikan pas atau kebenaran kepada usahawan-usahawan dari Semenanjung yang melabur di Sabah tanpa had masa. Mereka ini adalah pelabur dan peniaga. Mereka membawa modal membuka kilang, memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan secara tidak langsung mereka turut menggerakkan jentera ekonomi Sabah. Mungkinkah kalau mereka dikenakan tekanan setiap 3 bulan datang ke Pejabat Imigresen, haruskah ini dilakukan ke atas warga negara Malaysia yang bertujuan baik datang ke Sabah. Saya fikir tidak adil jika ini tidak diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepintangan ini diberikan perhatian supaya semangat integrasi itu benar-benar terjalin dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong.

5.25 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan suatu Akta meminda Akta Imigresen 1959 dan 1953.

Saya sungguh tertarik hati di atas ucapan yang dibuat oleh saudara saya Yang Berhormat Senator R.M. Jasni, kerana kalau ada kesungguhan hendak membuktikan bahawa kami penduduk di Malaysia ini bukan monyet, saya sanggup menjadi seorang bapak yang masih bertenaga untuk membuktikan bukan monyet. Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Akta ini saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah membentangkan dari kelmarin sehingga petang ini, iaitu Akta ini untuk dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan hujah-hujah mereka di negeri yang mereka tinggal. Maka adalah tidak adil kalau pandangan ini tidak dikemukakan di Dewan ini dari negeri di utara Semenanjung. Dahulu pernah diketahui, kalau kita hendak makan tomyam, kita terpaksa ke utara dari Semenanjung tetapi akhir-akhir ini tomyam telah melimpah ruah masuk sehingga ke Kuala Lumpur atau Johor Bharu. Ini satu dalil atau bukti bahawa kedatangan bukan dari rakyat negara ini ke negeri ini bertambah, bukan sahaja dari selatan malah dari utara. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Menteri yang berkenaan, para pegawai dan kakitangannya akan membuat serbuan secara senyap-senyap tanpa mendapat maklumat sulit dari belakang oleh pendatang-pendatang itu, sekalipun mereka itu sama sebangsa dengan saya dan Ahli-ahli Dewan ini, tetapi ianya tetap sebagai pendatang yang tidak diizinkan dan bolehlah dipanggil sebagai pendatang haram yang setaraf dengan pendatang haram Vietnam yang masih tinggal di Pulau Bidong dan Wilayah Persekutuan ini. Apakah ini tidak dianggap satu penyakit yang akan membahayakan negara ini, terutamanya mengenai dengan sosio-ekonomi?

Saya pernah mendengar sendiri dan lihat sendiri keadaan peniaga-peniaga kecil, terutama sekali penjual-penjual warung di Kota Bharu telah berebut-rebut dengan pendatang-pendatang haram itu, sehinggakan anak-anak tempatan terpaksa mengundurkan diri beberapa tapak kerana peluang ini telah direbut dengan secara keras oleh mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah dimaklumkan sebahagian besar daripada pendatang haram itu adalah telah dibawa oleh orang-orang kenamaan yang semata-mata mereka itu mencari keuntungan dari faedah memperalatkan pendatang haram itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sebelum Timbalan Menteri berangkat ke luar negeri, kalau boleh pada petang **ini**, malam ini dan esoknya beliau membuat secara serta merta di sekitar Kuala Lumpur ini untuk membuktikan apakah saya bercakap di **sini** benar atau tidak bahawa pendatang haram dari utara Semenanjung sangat ramai berniaga di ibu kota ini kerana kalau masuk hanya sebagai pelancong, kita jemput mereka, kita panggil mereka, tetapi cara ini tidak diizinkan oleh undang-undang.

Maka saya harap Kementerian dan Kerajaan Malaysia tidak akan membiarkan keadaan ini berpanjangan. Kita tidak mahu semua orang Ahli-ahli Dewan ini bercakap di Dewan ini dan di Dewan Rakyat tetapi kesannya tidak diambil tahu, tidak diambil peduli, kerana sebahagian daripada pendatang haram ini bukan sahaja lelaki, malah ianya wanita. Saya minta maaf, kepada para pegawai Kerajaan yang terdiri daripada wanita, kerana pendatang-pendatang ini datang dalam bentuk yang sangat romantis, yang sangat diplomasi. Kadang-kadang dia berlagak sebagai seorang Islam tulen, dia pakai jilat. Tetapi di dalam jilatnya digadai dengan harga yang murah. Hendak saya kata jual, tidak diambil balik, tetapi digadai, disewa, dipajak untuk sementara waktu. Gadaian, pajakan ini sangat laris oleh mereka yang bertenaga, Ini satu akibat yang tidak baik. Selain daripada menjejaskan anak negara ini maka semua sekali tidak bermakna yang Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Malaysia sedang berusaha bersungguh-sungguh menerap nilai-nilai Islam. Menyedia dan mengadakan dakwah Islamiah kepada rakyat di negara ini. Kita bimbang kerana unsur manusia tidak akan menolak ini.

Saya suka menarik perhatian Tuan Haji Mohd. Noor sewaktu dia berucap di Dewan ini, beliau pernah dilatih selama 20 tahun supaya menjadi manusia khusyuk dan tawaduk melalui Islam. Tetapi beliau sendiri mengaku bahawasanya beliau sehingga hari ini tidak sanggup menyatakan bahawa beliau seorang yang baik dan soleh. Apa lagi orang macam saya. Saya tidak tahu barangkali Yang Berhormat Timbalan

Menteri mungkin bersama-sama saya juga tidak sanggup, kerana ini sudah menjadi lumrah manusia apabila wujudnya manusia ke dunia ini salah satu daripadanya. Jadi untuk itu apakah tindakan harus diambil.

Kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun telah menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia ini murah rezeki dan rakyatnya baik hati. Kalau terlalu lama baik hati, dia akan jadi manusia dayus. Apabila menjadi manusia dayus maka rakyat itu akan ditakluk oleh orang lain.

Saya juga teringat kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "bentuk penjajahan baru bukan senjata, ianya ialah bentuk takluk ekonomi." Kalau semua di ladang-ladang, di escet-estet, di kebun-kebun orang lain menjadi tuan punya, yang kita menunggu hasilnya sahaja lama kelamaan kita akan papa kedana. Bukti-bukti jelas menunjukkan kepada kita. Saya tidak mahu kata di negeri lain; berlaku di Terengganu. Di ladang kelapa sawit di Terengganu, di ladang koko di Terengganu, di ladang getah di Terengganu sebahagian besar bukan anak negeri itu yang menjadi pekerja, diangkut dari negeri lain. Tetapi sepanjang yang saya ketahui, Alhamdulillah mereka yang bekerja di negeri ini semuanya ada kelulusan, ada izin, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini. Pada masa hadapan, wallahualam.

Pada saya setuju kerana kita kekurangan tenaga; tenaga luar ini perlu. Tetapi hendaklah dipilih, diawas yang terdiri dari mereka yang benar-oenar mahu mencari rezeki, sekalipun mereka mahu kahwin, tetapi keturunan dan zuriatnya hendaklah zuriat yang baik. Kita

tidak mahu zuriat yang terdiri daripada perompak, penyamun datang ke negeri kita ini.

Jadi dengan sebab itu, saya berharap supaya Jabatan Imigresen atau Kementerian yang berkenaan menyediakan beberapa perkara bagi mengatasi masalah yang seperti ini. Kadang-kadang kita menyalah orang datang; sebab semut dia tidak akan datang ke api, semut akan datang mencari madu. Begitu juga kumbang, dia tidak cari batu, dia akan cari bunga.

Oleh kerana negara kita murah rezeki maka pendatang, datang. Ini menunjukkan kita telah berjaya dalam beberapa bahagian. Tetapi, kita juga harus sedar barangkali bilangan Pegawai Imigresen tidak sampai 5,000. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, berapa bilangahnya, tetapi saya percaya tidak sampai. Dan Pegawai-pegawai Imigresen ini apa yang saya tahu tidak diberi latihan intensif. Misalannya, latihan ala-tentera. Pegawai Imigresen ini juga harus diberi latihan tae-kwan-do, silat dan lain-lain. Kerana ada setengah-setengah Pegawai Imigresen ini, mungkin berat badannya tidak sampai 100lb. Kalau dulu kita panggil 100lb. Bagaimana kalau berhadapan dengan mereka ini? Ini juga perlu sementara mendapat bantuan daripada Polis dan Tentera, maka pegawai ini berdepan lebih dahulu dengan musuh yang kita anggap berbahaya ini.

Kita sedar bahawa negara kita salah sebuah negara dalam kumpulan ASEAN, tetapi ada dan peraturannya; rumah berlainan walaupun pakatan bersama. Dalam pada begitu pun, kita dipanggil "monyet", walhal boleh kita panggil rakyatnya yang datang ke mari ini sebagai "pengemis yang bertaraf perompak". Rakyat negara yang menyatakan bahawa rakyat Malaysia ini "monyet" maka rakyatnya yang datang ke Malaysia ini boleh dianggap sebagai "pengemis yang bertaraf perompak." Itu jawapan saya kepada ahli politik yang berkenaan.

Jadi, dengan sebab itu saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kementerian yang berkenaan menyediakan Pegawai-pegawai Imigresen ini yang terlatih dalam semua bidang.

Selain daripada itu, saya percaya negara kita melalui Jabatannya telah menyediakan seberapa ramai pegawai di sempadan-sempadan yang berada dalam keadaan gelap atau kalau boleh saya menyebut di sini, Imigresen yang bertindak sebagai mata-mata gelap, tak nampak baju dia, tak nampak uniform dia. Ini mungkin telah ada. Kalau belum ada, harus diadakan dan ianya bukan berada di negara kita, mungkin dia akan berada di negara jiran kita, Kalau sudah ada, saya ucap terima kasih tetapi saya percaya ada, tinggal lagi tidak ramai, ramaikan **dia**. Latih dia dahulu sehingga ianya boleh bertarung jika perlu. Kita tidak mahu dihantar pegawai yang kurang daripada 100 paun ini ke negara-negara yang berkenaan.

Selain daripada itu, pihak Kementerian dan Jabatan yang berkenaan harus diberi galakan kepada pegawai ini sepertimana pernah diberi galakan mungkin kepada Pegawai Kastam. Apabila ianya berjaya menangkap menyelesaikan masalah harus diberi ingatan dikenang jasa, Yang menjadi masalah kepada kita, pegawai kita hendak cergas, bukan tak mahu cergas, tetapi saya tidak mahu menuduh Kerajaan. oleh kerana bilangannya ramai maka terlupa. Jadi saya harap pada petang ini Timbalan Menteri yang berkenaan ada di sini dan beliau memang satu orang yang sangat bertimbang rasa, diberi ganjaran kalau ada di antara pegawai-pegawai ini telah berjasa menangkap dan sebagainya. Kita tidak mahu pegawai-pegawai ini berkecil hati. 10 pendatang yang datang, dilepasnya 8, 2 sahaja yang ditangkap. Takut-takut **ada**, saya tidak menuduh, 8 lepas, 2 tangkap. Kalau 10 kali, 100 kali berlaku sedemikian, apabila ditanya tindakan diambil, ini dia

buktinya pendatang ini telah dibawa ke mahkamah tetapi 2 orang, yang lonya menyusup masuk ikut pintu belakang. Biasanya mereka akan masuk melalui estet-estet, dia tidak melalui jalanraya kerana dia tak ada kad pengenalan dan pasport. Tambahan pula hari ini di mana-mana kawasan pendalaman disediakan jalanraya sama ada tar ataupun, tanah merah, senang pendatang-pendatang haram ini masuk ke negara kita. Ini masalah yang patut diambil ingatan.

Kalau perlu pegawai ini betul-betul bekerja baik dinaikkan pangkatnya segera walaupun umurnya masih mudah dan diberi apa juga ganjaran kepada mereka, diberi latihan di luar negeri, beri dia peluang, kita tak mahu lapukkan dia di situ, tetapi tenaga hendak digunakan. Usah manusia, kalau lembu diberi makan rumput kering sekalipun, sekalipun doktor kata ini ada vitamin dalam rumput kering, maka lembu tak suka. Dengan sebab itu Yang Berhormat Datuk Sanusi cadangkan pakai cermin mata hijau. Beri ganjaran kepada pegawai-pegawai kita, Biar himahnya ada berminat untuk bekerja. Dewan kedua-duanya sanggup membuat undang-undang tetapi orang yang melaksanakan undang-undang ini ialah manusia, pegawai dan kakitangan. Dia tidak akan mampu bekerja sepanjang masa dalam tempoh seminggu, dia akan letih-lesu, dia ada masalah rumahtangga, anak isteri dan sebagainya. Ini harus dijaga.

Jangan dibiarkan mereka itu berlama-lamaan. di satu-satu tempat. Kadang-kadang dibiarkan mereka itu di Tanjong Pengelih, Pengerang sana sampai 7, 8 tahun ini contoh, sekarang tak ada lagi, sampai naik layu kawan itu. Dibiarnya mereka itu di Rantau Panjang sehingga diugut dengan peluru. Dibawanya peluru depan ketuanya, ini dia tuan peluru, diugut saya, hendak bunuh saya. Itupun masih belum dipercayai oleh ketuanya. Apakah ianya rasa tidak berkecil hati,

tidak rasa gerun, tidak rasa takut? Kadang-kadang ditanya oleh perompak, ditanya oleh pendatang haram ini, hai Encik Pegawai, berapa lama awak hendak kerja? Awak mahu hidup, ambil ini duit. Kalau awak tegas, ini peluru masuk kepala. Pilih antara dua; peluru atau duit? Ini pernah berlaku. Jadi, dengan sebab itu Jabatan yang berkenaan apabila menerima pegawai dan hendak memberi sesuatu pertimbangan biarlah melihat secara seadil-adilnya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga rasa risau, rasa runsing dalam kita bertempok di Dewan ini dan Dewan Rakyat ada juga lulus dalam gelap. Saya harap Timbalan Menteri yang berkenaan membuat siasatan serta-merta kerana ada banyak kelulusan yang dibuat kad pengenalan merah ini dari mereka yang datang dari benua kecil di Asia Tenggara ini dan negara-negara di sekitar benua kecil di Asia Tenggara ini kerana kita maklum dalam negara Malaysia ini masyarakatnya bercampur-campur, kononnya dalam bahasa Arab dipanggil "majmuk" dan warnanya lebih kurang sama sahaja. Ini juga kita kadang-kadang tertipu. Akibatnya lama kelamaan negeri kita ini akan tergadai. Jelas bacalah sejarah dunia mana sekalipun, sejarah bangsa apa sekalipun pernah pupus dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu saya minta sungguh-sungguh terutama sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri melalui Jabatan yang berkenaan jadikan Jabatan Imigresen ini satu Jabatan yang sangat penting dalam negara kita kerana negara Malaysia ini berada di tengah-tengah beberapa buah negara yang sangat berminat untuk datang ke Malaysia ini, sepertimana yang disebut-sebut, diucap oleh saudara-saudara saya tadi.

Saya juga mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kerana Akta ini telah dipinda, diubahsuai mengikut masa dan waktunya daripada Fasal 2 hinggalah Fasal 26 dan barangkali harus pada masa-masa yang akan datang Akta ini akan dipinda lagi kerana apa yang akan berlaku tidak ada dalam ingatan manusia sekalipun manusia itu hanya boleh meramalkan sahaja, tetapi walau bagaimana buruk baik sekalipun Akta ini akan memberi manfaat kepada bangsa dan negara ini bagi jangka waktu yang tak dapat kita pastikan. Untuk itu, saya minta sekali lagi bermula pada petang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum meninggalkan Malaysia ini ke luar negeri adakan satu revolusi 'spot check', dengan izin, seluruh negara supaya menandakan bahawa Akta ini akan berkesan dan akan diberi terima kasih oleh rakyat yang kasih dan cinta kepada negara ini. Kalau tidak, Akta ini akant sia-sia dan mungkin ianya akan berkesan dalam bentuk evolusi.

Maka itu kita tidak mahu, dengan sebab itu Akta ini dipinda dan diubah suai.

Dengan kata-kata itu, saya dengan hati yang tulus ikhlas menyokong penuh pindaan Akta Imigresen ini. Sekian, terima kasih.

5.51 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan, Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama berucap dengan secara ringkas menyokong Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali undang-undang digubal selalunya selepas diambil kira sesuatu peristiwa yang agak pedih yang dialami sebelumnya, ataupun kadangkala terbukti ada loophole, dengan izin, dalam undang-undang di mana pesalah dan peguam mengambil kesempatan untuk mendapat kebebasan tanpa aduan dan hukuman terhadap pesalah. Kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, memang undang-undang yang sedia ada itu memberi begitu luas kelonggaran sehinggakan kemasukan orang-orang luar negeri ini tidak terkawal lagi. Negara kita pada satu ketika dinamakan Tanah Melayu dan diduduki hampir keseluruhannya oleh orang-orang Melayu hingga ke satu ketika di mana British atas sebab-sebab ataupun atas keperluan pembangunan ekonomi membenarkan orang-orang bukan Melayu datang untuk meneroka bidang perlombongan, perladangan dan perdagangan di negara ini. Kita sanjung di atas vision pentadbiran British itu, hingga kita telah mencapai tahap pencapaian ekonomi yang agak maju di Asia. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak British dengan sengaja atau tidak telah juga mewujudkan ketidak-seimbangan di negara kita hingga hari ini

yang tidak dapat dan tidak mungkin dapat kita atasi iaitu masalah sosial, darisegi pengagihan kekayaan negara dan dari segi imbalan penduduk, selain kita tidak berkuasa untuk mengawal lagi dari segi pertumbuhan dalaman. Apatah lagi sekiranya berlaku penghijrahan dari luar ke dalam negara ini. Ini sudahpun berlaku dan inilah sebabnya saya rasa pengubalan Rang Undang-undang ini dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, bila manusia berkaum-kaum, manusia bergeser antara kaum, bila manusia bertumpu satu kaum, mereka bergeser perbezaan fahaman atau ideologi. Kedua-duanya ada masalah, telah yang lebih bermasalah ialah perkauman. Ini memang terbukti dalam sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah penduduk di negara ini amatlah meruncing. Saya tidak ingin membuat huraian lebih lanjut, bagaimanapun dengan bijaksana pentadbiran negara oleh Kerajaan-Barisan Nasional keadaan ini dipandang dan sebagai seorang Melayu saya tidaklah mahu memikir keadaan bila satu ketika dahulu satu bangsa yang bermajoriti di tanah tumpah darah sendiri telah menjadi minoriti di masa hadapan. Kemungkinan sekiranya ini berlaku juga, saya tidak mahu sebut. Mungkin ini berlaku, tetapi saya tidak mahu jawab juga. Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini telahpun berlaku, mungkin satu hari semua rakyat Malaysia yang ada sekarang akan hilang majoriti yang ada sekarang seperti yang hampir-hampir telah berlaku di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam keadaan sekarang adalah aman dan damai, diantara kaum sungguhpun ada sedikit sebanyak sesama kaum ini masih ada toleransi dan Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama mengekalkan keadaan ini. Kita mestilah mintain,

dengan izin, status quo ini jika kita hendak bersama-sama menuju ke arah keamanan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, objektif-objektif yang saya sebutkan tadi akan dapat dicapai insya Allah. Andainya masih ada lagi loopholes, dengan izin, dalam Undang-undang **ini**, sehingga dapat juga jaring ini ditembusi, saya harap pihak-pihak peguam dan pihak-pihak yang berkuatkuasa tidak mengambil kesempatan untuk membantu hingga terbebasnya penjenayah-penjenayah imigresen ini. Saya sarankan supaya peguam dan pembantu-pembantu yang berminat supaya berwaspada kerana sekiranya mereka begitu berminat satu hari periok nasi mereka pun mungkin terjejas dan masa hadapan anak cucu mereka pun mungkin terjejas kerana dengan kemasukan tambahan orang dari luar peluang bagi mereka pun akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saranan saya dan harapan saya sebagai rakyat dan bukan sebagai seorang Melayu, agar status quo dikekalkan dan warganegara yang mendapat faedah dari hasil penghijrahan ke negara ini supaya insaf dan berterima kasih dan tidak pula mengungkit-ungkit hak keistimewaan Pribumi. Kerajaan ini adalah adil di mana kita merasi kekurangan di satu tempat, sentiasa kita mendapat ganti di tempat yang lain. Jadi, janganlah memandang green meadow, dengan izin, di seberang sahaja dan jangan ingat kita susah kerana tidak berkasut, ada orang yang tidak berkaki. Marilah kita bersama-sama membina negara ini agar keadilan dan kemakmuran dapat dirasai oleh semua.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong. Terima kasih.

5.58

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam perbahasan pindaan Akta Imigresen 1956 - 1963 yang mana telah dibentang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini. Di dalam pembentangan Yang Berhormat, beliau telah menyebut, tentang perlunya peruntukan-peruntukan baru dimasukkan dan pindaan-pindaan lain dibuat di dalam Akta ini di atas sebab bahawa Akta ini sudah tidak sesuai lagi dan kita diberi tahu juga bahawa lebih dari dua dekad Akta ini berkuatkuasa tanpa penyesuaian dengan keadaan-keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekali pandang, ke atas pindaan-pindaan yang dibuat, kita dapati tujuan pindaan adalah semata-mata untuk menambahkan lagi keupayaan Jabatan Imigresen untuk menjalankan kerjanya. Misalannya, Akta lama tidak mempunyai peruntukan-peruntukan yang cukup dan lengkap untuk membolehkan kerja-kerja penyiasatan dan pendakwaan dilakukan dengan **licin** dan sebagainya, maka pindaan-pindaan pada seksyen-seksyen tertentu dibuat untuk membolehkannya di dalam pindaan-pindaan yang dibentangkan ini, walaupun ketiadaan peruntukan-peruntukan yang diperlukan itu sebelum dari pindaan-pindaan **ini**. Saya ingin memberi penghargaan yang tinggi kepada Jabatan Imigresen yang telah menjalankan kerja-kerjanya yang dijalankan serta dilakukan dengan cekap dan lancar. Semoga dengan adanya pindaan-pindaan **ini**, mereka akan dapat menunjukkan prestasi kerja ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah alasan untuk pindaan yang diberikan hanya untuk meningkatkan keupayaan kerja Jabatan Imigresen, maka pindaan-pindaan yang dikemukakan hanyalah merupakan pindaan-pindaan yang statis. Apa yang saya ingin sarankan dalam masalah ini ialah Kementerian perlu mengambil kira faktor-faktor lain yang dinamis di dalam merangkakan dasar imigresen kita seperti perubahan-perubahan ke dalam keadaan ekonomi dan sosial pada satu-satu jangka masa. Misalannya, di dalam proses pembangunan ekonomi negara ke arah ekonomi perindustrian yang berpusat di bandar, kos melepaskan tenaga buruh penduduk-penduduk desa menjadi di dalam sektor pertanian iaitu sektor desa. Maksudnya, pekerjaan di dalam industri pembuatan di bandar adalah mendatangkan pendapatan yang lebih baik dari bekerja sebagai petani dan buruh ladang di desa-desa. Maka berlakulah penghijrahan ke bandar dan berlakulah peristiwa ketiadaan tenaga buruh tempatan di dalam sektor padi umpamanya, sektor getah, sektor kelapa sawit dan lain-lain lagi. Berlaku juga peristiwa tanah ladang yang terbiar di desa-desa yang menjadi-jadi di negara kita ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, proses pembangunan ekonomi di negara ini mesti diperakui oleh Kerajaan sebagai satu proses yang tidak dapat dielakkan kerana mempunyai matlamat pembangunan ekonomi ditunjangi oleh industri pengeluaran barang-barang siap yang akan dieksport dan barangan ini perlu mempunyai daya saingan yang kuat untuk mendapat tempat yang kukuh di pasaran dunia. Oleh kerana itu, kita sangat memerlukan buruh-buruh ladang yang murah dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Thailand untuk datang bekerja di

tempat-tempat yang ditinggalkan oleh buruh-buruh tempatan yang sentiasa berhijrah ke sektor yang lebih baik di segi pendapatannya yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, satu dasar imigresen yang liberal patut diadakan. Saya khuatir dengan adanya peruntukan-peruntukan baru dalam pindaan-pindaan ini, kemasukan tenaga-tenaga buruh murah dari negara jiran yang disebutkan tadi di dalam sektor pertanian kita yang kekurangan tenaga buruh ini kemungkinan akan menjejaskan dan membantutkan pertumbuhan ekonomi negara kita ini.

Tujuan Kerajaan buat pindaan-pindaan Akta ini saya pasti adalah juga kaitannya dengan reaksi terhadap masalah-masalah sosial yang dibawa oleh buruh-buruh asing ini seperti peristiwa menyamun, peristiwa ajaran sesat dan lain-lain lagi masalah-masalah sosial. Memang kita perlu membanteras semua ini, tetapi apakah tidak ada jalan lain selain daripada cara memperketatkan seketat-ketatnya segala prosedur imigresen.

Di dalam suasana pembangunan ekonomi negara kita sekarang, kita mesti menerima hakikat bahawa tenaga buruh dari negara jiran yang upahnya murah untuk sektor pertanian adalah penting dan perlu didapati dan untuk mendapatkannya kita mesti menyenangkan kemasukan mereka dan kita perlu ada sikap positif terhadap mereka.

Dalam masalah pengangguran negara mesti diselesaikan di dalam konteks pembangunan industri pengeluaran. Ini ialah hakikak sebenarnya di dalam bentuk pembangunan ekonomi yang dipilih oleh negara kita pada masa ini, malah kemiskinan di setengah-setengah wilayah negara ini hanya dapat diatasi melalui penghijrahan penduduk-penduduk dari wilayah itu untuk mengurangkan pergantungan yang amat sangat kepada sumber tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyarankan iaitu supaya dasar imigresen terhadap tenaga buruh di sektor getah dan kelapa sawit diperketatkan syarat-syaratnya kerana penggunaan tenaga buruh di sektor-sektor ini memerlukan kependudukan yang tetap dan penggunaan kemahiran yang tertentu yang mempunyai kesinambungan tugas yang rapi. Buruh-buruh luar kalau sesuai diberi kebenaran tinggal lebih lama melalui 'work permit', dengan izin, dari tempoh yang diberi sekarang perlu diberi tempoh lagi. Itu tentu akan membantu industri ini dari segi ketentuan mendapat tenaga buruh yang murah dan tetap. Dengan adanya dasar yang agak liberal ini, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan juga masalah-masalah sosial yang dibawa oleh buruh-buruh luar ini sepertimana yang disebutkan tadi akan berkurangan walaupun tidak terhapus langsung masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong pindaan, pindaan yang telah dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membentangkan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) telah dibacakan kali kedua dan ketiga serta diluluskan.

Tuan. R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas sama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) telah dibacakan kali kedua dan ketiga serta diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN [PINDAAN]

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Perbahasan disambung semula.

6.08 ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959-1963.

Memandangkan masa Akta ini digubal begitu lama, hampir 30 tahun lepas, maka adalah wajar suatu pindaan dibuat bagi mengemaskinkan Akta dalam membolehkan kelicinan penguatkuasaan petadbiran Jabatan Imigresen sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang penguatkuasaan Akta Imigresen yang lepas, kita nampak Jabatan ini yang begitu penting dari segi kependudukan negara kita. Seperti yang kita maklum semua pintu masuk sesebuah negara adalah di bawah pengawasan dan penjagaan Imigresen. Jikalau sikap terbuka yang lampau masih diamalkan dan

pernah suatu ketika kita dengar ada dokumen palsu digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab bagi memasuki negara ini. Maka apa yang kita takut suatu ketika, tanpa kita sedari pendatang-pendatang yang masuk ke negara ini melebihi rakyat kita yang mana kalau tidak berhati-hati dan dibuat semakan-semakan tertentu, masalah orang-orang pendatang terus mara.

Malaysia hari ini masih kita boleh mengakui Malaysia kita yang berbilang kaum. Bangsa Melayu masih lagi berada sebagai tunjang atau tulang belakang menguasai ketenteraman dan keadaan kestabilan politik negara. Saya bimbang andainya kita tidak berwaspada dalam masalah ini negara ini akan menjadi senasib dengan Afrika Selatan.

Seperti yang kita sedia maklum di Malaysia ini tanpa kestabilan politik Melayu, khususnya Kerajaan yang dibentuk tanpa kekuatan nadi bangsa Melayu, kita tidak lagi dapat menikmati keamanan dan ketenteraman serta pembangunan. Kerana di masa itu sudah tidak ada suatu benteng yang boleh dijadikan tunjang ke arah mana dan siapakah sebenarnya yang betul-betul akan bertanggungjawab kepada kedudukan negara Malaysia.

Saya membangkitkan ini supaya antara kita sama berwaspada dalam kita sama-sama kita bersengketa, atau dari golongan mana pun bertelagah, percayalah Malaysia sebuah negara yang berbilang bangsa tidak akan dapat melayari bahteranya andaikata parti Melayu, khususnya UMNO tidak lagi berpengaruh untuk menjadi tunjang dan tunggak kepada kekuasaan Melayu dalam pemerintahan negara. Untuk itulah kita semua yang ada hari ini dapat sama-sama membangun dan menjaga keselamatan negara, mengawal dari segi kemasukkan orang-orang luar yang akan melenyapkan bangsa Melayu sendiri yang tidak begitu biak dan berkembang dari segi keramaiannya kerana pada suatu ketika dahulu pertumbuhan dan kesuburan orang-orang Melayu terbantut, oleh kerana orang-orang Melayu begitu terpengaruh oleh keselesaan hidup berencana atau merancang keluarga. Maka muda-mudi pada masa itu dalam tahun-tahun 1960an, 1970an rancak diperkenalkan rancangan keluarga. Rata-rata orang Melayu mengamalkan rancangan berkeluarga atau mengecilkan bilangan keluarga, konon untuk kehidupan yang lebih bahagia, bahkan sehingga sekarang masih diteruskan, maka keturunan Melayu tidak akan

bertambah, apa lagi untuk menyamai bilangan berbilang kaum yang sedia ada dan yang terus memasuki negara dengan izin dan tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan yang tidak terbandung ini berkemungkinan akan menenggelami warganegara yang ada dan khususnya peribumi warisan sendiri, maka nasib yang akan menimpa bangsa Malaysia lebih terdedah, malahan akan lebih lagi daripada nasib yang menimpa Afrika Selatan dan segala-galanya terdedah kepada kehancuran.

Tuan Yang di-Pertua, dari andaian dan kedudukan inilah saya suka mengingatkan supaya semua warganegara di Malaysia hari ini berterima kasih dan bersyukur dengan keadaan yang ada di mana keamanan dan kemakmuran yang ada dipertahankan bersama dengan mengawal batas sempadan, dalam membuat jerit-pekik berbagai tuntutan hanya kerana tidak pernah puas sedangkan selagi manusia dinamakan manusia kepuasan tidak akan berakhir. Oleh itu, marilah kita bekerjasama bersederhana dalam segala tindak-tanduk kita, dan mudah-mudahan dengan sama-sama kita meminda Akta Imigresen dapat mengukuhkan kedudukan benteng pertahanan kemasukan mereka yang tidak diingini dari masa ke semasa semoga dapat meluaskan masa untuk generasi kita di masa hadapan bertapak di bumi sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/1963. Terima kasih.

6.16 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana dapat peluang ini untuk berbahas tentang Rang

Undang-undang (Pindaan) Akta Imigresen 1959/1963.

Tuan Yang di-Pertua, kini Jabatan Imigresen ada satu peraturan yang melarang seseorang warganegara keluar dari Malaysia ke negeri lain jika pasportnya kurang daripada 6 bulan dari tarikh habis tempohnya. Ada kes-kes dalam situasi begini pembawa pasport-pasport yang kurang 6 bulan mesti membarui pasportnya, jika pasport itu tidak pernah dibaharui atau pembawa pasport mesti memohon pasport baru jika pasport yang dia ada pernah dibaharui. Katakanlah, pembawa pasport yang tidak pernah dibaharui hendak ke Amerika Syarikat tetapi pasportnya kurang daripada 6 bulan dari tarikh habis tamat tempohnya, dia membarui pasportnya dan pasport yang dibaharui mengikut syarat menjadi sah dari tarikh ia dibaharui. Ini bererti pembawa pasport itu rugi beberapa bulan yang belum habis tamat tempoh yang pertama.

Saya harap pasport yang dibaharui belum habis tempoh 5 tahun pertama disahkan untuk genap 10 tahun termasuk tempoh 5 tahun pertama. Pembawa pasport itu tidak perlu memohon pasport baru dan membelanjakan lebih wang sekiranya dia hendak ke luar negeri dalam tempoh masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negeri yang indah, aman dan bebas daripada bencana alam yang serius. Walaupun kita melawat luar negeri seperti Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom dan lain-lain negeri, kita tetap suka balik ke tanah air kita. Apabila kita melancong kita mesti mempunyai kesihatan yang baik untuk perjalanan yang jauh dan menikmati keistimewaan negara-negara yang dilawati.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita hanya membenarkan rakyatnya yang berumur lebih daripada 55 tahun melancong ke negeri China, jika orang itu mempunyai saudara-mara di sana. Sekiranya dia hendak makan angin di negeri China dan dia tidak mempunyai saudara-mara di sana, dia mesti berusia lebih daripada 60 tahun mengikut syarat sekarang. Saya merasa umur 60 tahun adalah meningkat sedikit untuk orang ramai atau warganegara Malaysia melawat negeri China. Kalau Kerajaan boleh melonggarkan syarat itu maka ramai orang boleh melawat negeri China. Adalah disyorkan seseorang warganegara Malaysia dibenarkan melawat negeri China berumur 50 tahun, bila mereka masih sihat dan bertenaga untuk perjalanan yang begitu jauh.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia tidak mudah dipengaruhi oleh kebudayaan dan fahaman yang lain terutama rakyat yang dewasa berumur lebih daripada 50 tahun. Pada masa saya menuntut di United Kingdom adalah dikatakan seorang itu tidak ada nilai moral yang baik jika ia telah pergi ke Paris, Perancis, tetapi ramai tetap berperangai baik selepas melawat Paris.

Tuan Yang di-Pertua, pemikiran dan kelakuan kita dipengaruhi oleh tunjukajar daripada ibu bapa dan masyarakat kita semasa muda. Oleh kerana itu seseorang warganegara mesti mahu balik ke tanahair dan, dengan izin, and will not be changed walaupun dia telah melancong ke negeri China atau ke mana-mana negara yang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah Kerajaan kita memberi peluang kepada rakyat yang hendak melawat Negeri China sebelum mereka terlalu tua dan uzur. Saya fikir bagi seorang selepas umur 50 tahun setiap hari kemudian adalah 'bonus', dengan izin. Berilah mereka peluang itu lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun "hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri", baik juga di negeri sendiri. Tiada sesiapa orang yang boleh menahan kita dari kembali ke tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tamat perbahasan, saya sekali lagi memberi sokongan atas Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Imigresen 1959/1963. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Ahli yang hendak ber-bahas lagi, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

6.22 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah memberi perhatian dan mengambil berat keatas Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1988 yang telah saya bentangkan semalam dan juga sebentar tadi.

Saya begitu terharu di atas sokongan Ahli-ahli Dewan terhadap cadangan meminda Akta Imigresen 1959-1963 yang tujuannya untuk memperkemas Akta berkenaan dan meningkatkan keberkesanan penguat-

kuasaan oleh pegawai-pegawai Imigresen. Pegawai dan kakitangan Kementerian saya, khususnya di Jabatan Imigresen Malaysia, merasa begitu berperangsang di atas sokongan. Ahli-ahli Dewan sekalian.

Secara khusus saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di Dewan pada hari ini. Di antara Ahli-ahli Dewan yang telah memberi perhatian berat dan mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut ialah:

Yang Berhormat Tuan Pandikar Amin;

Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni;

Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang;

Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun;

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam;

Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat; dan juga

Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

Saya sungguh tertarik hati dengan hujah-hujah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Pandikar Amin dan saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas penerangan yang begitu terperinci keatas apa yang berlaku di Sabah.

Perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat seperti masalah sosial, masalah pendidikan, masalah keselamatan, masalah kesihatan, masalah Kerajaan dan juga masalah kewarganegaraan serta masalah pelancongan memang dalam perhatian Kementerian. Itu sebabnya dalam lawatan saya ke Sabah baru-baru ini saya telah melihat sendiri akan gejala-gejala tersebut dan merasa begitu terharu

terutama di pekan Sandakan, Semporna dan juga di Tawau di mana kita lihat bahawa pekan-pekan ini bilangan pendatang haram sudah menyamai rakyat tempatan. Kalau kita pergi ke Labuan, misalannya kita merasa cukup sedih, sebab kalau 10 tahun yang dahulu kita berada di Pulau Labuan tidak ada masalah-masalah peminta sedekah dan sebagainya, tetapi hari ini kalau kita makan di kedai-kedai di Labuan, kita lihat sedang kita makan, kanak-kanak yang berumur 10 tahun, 12 tahun datang menerpa kepada kita minta sedekah atau cuba hendak mencuci kasut kita untuk mendapatkan wang.

Kanak-kanak ini semuanya adalah pendatang-pendatang tanpa izin. Bayangkanlah bahawa mereka ini tidak bersekolah dan sekarang berumur 10 tahun atau 12 tahun. Dalam masa 10 tahun yang akan datang mereka ini akan menjadi orang dewasa. Apa akan jadi kepada orang dewasa yang tanpa pelajaran. Tentulah mereka akan menjadi penjenayah-penjenayah yang begitu kejam dan sebagainya. Kalau kita lihat semua kedai-kedai makan, pub dan sebagainya dipenuhi oleh pendatang-pendatang haram.

Saya sendiri telah melawat di penjara di Kota Kinabalu di mana pendatang-pendatang haram yang telah ditangkap terpaksa dikurung menunggu perbicaraan di mahkamah sebelum kita hantar mereka pulang. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi dan kita harap dengan pindaan Akta ini dapat kita melaksanakan tugas kita dengan cepat dan tegas, tanpa merujuk perkara ini ke mahkamah dan sebagainya kerana kuasa mutlak adalah di tangan Ketua Pengarah Imigresen. Diharapkan apa yang paling penting ialah seperti pelaksanaannya mesti dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Tuan R.M Jasni telah membangkitkan mengenai tempoh tinggal pengusaha-pengusaha pelaburan dari Semenanjung selama tiga bulan di Sabah dan terpaksa memohon lanjutan. Sebenarnya ini boleh diatasi jika mereka memohon pas kerja. Dengan pas kerja mereka boleh tinggal lebih lama daripada tempoh tiga bulan. Sebenarnya peraturan sekarang boleh dipermudahkan lagi dan mereka boleh tinggal tanpa pas jika Kerajaan Negeri bersetuju memansuhkan peraturan tersebut.

Dalam pindaan ini juga Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni telah membangkitkan soal tentang pelindung-pelindung yang juga harus didakwa. Memanglah pelindung-pelindung pendatang tanpa izin ini akan didakwa sepertimana yang tercatat di dalam pindaan ini.

Kita tahu bahawa memang benar ianya bukan senang bagi menghapuskan pendatang tanpa izin ini. Kalau kita lihat negara-negara maju seperti Amerika, Britain, Saudi Arabia dan Kuwait, mereka juga menghadapi masalah-masalah yang sama. Namun Kementerian Dalam Negeri akan mencuba seberapa daya dengan agensi-agensinya yang bersangkutan untuk membanteras mereka. Operasi-operasi akan dilipatgandakan untuk memberkas mereka ini, Kerajaan akan cuba seberapa daya untuk melaksanakan pindaan Akta ini.

Tentang kemasukan perompak-perompak luar, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada perairan Sabah kerana Kerajaan faham benar akan masalah pendatang tanpa izin di Sabah ini.

Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang telah membangkitkan masalah tomyam ini. Tomyam ini sungguh pun dahulu terkenal di selatan Siam,

tetapi saya tidak tahulah adakah disebabkan tomyam ini terlalu banyak kes di Kuala Lumpur ini, adakah dibuat oleh orang-orang Thailand atau dibuat oleh orang-orang kita sendiri yang sudah pandai belajar dari orang-orang Thailand. Bagaimanapun, pendatang haram dari Negeri Thai ini adalah terlalu sedikit bilangannya tetapi yang menjadi masalah kita, walau di Semenanjung, di Sabah atau di Sarawak, ialah pendatang haram atau pendatang tanpa izin daripada Indonesia dan Filipina.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian atas perkara ini kerana saya sendiri baru inilah saya mendapat maklumat tentang kedatangan pendatang tanpa izin dari utara Semenanjung. Apa yang diketahui ada mereka ini datang dengan menggunakan 'visa pelawat' tetapi melakukan 'perniagaan'. Oleh sebab ini sering kali dilakukan serbuan-serbuan dan tangkapan-tangkapan oleh pihak Imigresen.

Tentang buruh-buruh luar di Terengganu memang benarlah ada tuan-tuan ladang membawa buruh-buruh ini daripada luar dan kita di Kementerian Dalam Negeri telah memberi persetujuan. Tetapi yang jadi masalah ialah kita beri dua tahun, selepas itu mereka memohon lagi setahun, kita beri lagi setahun dan yang susahnyanya dalam masa tiga tahun ini mereka berkahwin pula dengan anak tempatan. Bila mereka ini berkahwin dengan anak tempatan, timbul pula entah-entah anak Ketua Cawangan, maka yang datang jumpa saya merayu supaya diextend atau dipanjangkan visa ialah Wakil-wakil Rakyat dan Senator-senator **[Ketawa]**. Yang minta, "Tolonglah, janganlah hantar mereka balik, tolonglah panjangkan visa mereka". Ini yang menjadi masalah kita kerana kita tidak tahu apa niat mereka datang hendak bekerja di sini tiga tahun **ini**.

Kadang-kadang niat mereka sengaja datang ke sini, hendak bekerja tiga tahun cari peluang hendak kahwin, lepas itu hendak minta jadi permanent resident. Inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh kita. Dengan sebab itu kita terpaksa berhati-hati tentang hal ini kerana orang yang berminat untuk tinggal di negara ini terlalulah banyak dan terlalulah ramai. Dengan sebab itu saya berharaplah pemimpin-pemimpin kita berhati-hatilah tentang hal ini. Kadang-kadang ada sindiket-sindiket pula. Enam bulan lagi dia hendak balik, ada sindiket pula yang hendak mencari jodoh ini untuk mereka menetap di sini dan kadang-kadang kesihan jugalah datang dengan isteri baru yang sudah enam bulan mengandung dan sebagainya.

Kita hendak hantar susah, tidak hantar susah. Inilah masalah yang dihadapi oleh pihak kita.

Tentang Pegawai-pegawai Imigresen, buat masa ini hanya ada lebih kurang 1,800 orang kakitangan Jabatan Imigresen yang terdiri dari Pegawai Imigresen yang mempunyai kuasa mengikut Akta Imigresen untuk menguatkuasakan undang-undang. Mereka ini diberi latihan yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran mereka, menguatkuasakan undang-undang. Adalah disedari bahawa mereka juga sering menjalankan kerja-kerja yang membahayakan diri. Akan tetapi mereka telah diberi latihan asas menggunakan senjata api. Di samping itu, seringkali mereka bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Polis apabila membuat serbuan dan tangkapan. Walau bagaimanapun, saya mengakui adalah perlu latihan intensif dan lebih banyak bekalan-bekalan senjata api dibekalkan kepada Jabatan ini. Perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri.

Tentang masalah ada pemberian Kad Pengenalan Merah yang merasa was-was oleh pihak Yang Berhormat sekalian, yang sebenarnya pengeluaran Kad Pengenalan Merah atau 'permanent resident' ini, pihak KDN atau Kementerian Dalam Negeri sungguh berhati-hati sehingga setiap keluaran atau kelulusan Kad Pengenalan Merah mesti ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri, sehingga saya sendiri tidak boleh menandatangani permanent resident status, dengan izin. Dengan sebab itu kita sungguhlah berhati-hati dalam mengeluarkan Kad Pengenalan Merah ataupun permanent resident ini.

Yang Berhormat Senator Hajjah Rogayah Che Mat merasa risau tentang kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini. Semua orang rasa risau tentang hal ini. Dengan pindaan Akta ini, pihak Imigresen akan lipat-gandakan usaha untuk menentukan bahawa masalah ini dapat dibendung. Di samping itu, pihak Jabatan Imigresen akan dibekalkan dengan komputer di semua pintu masuk untuk membantu mengawal pendatang-pendatang tanpa izin ini. Dengan adanya komputer ini, diharapkan bahawa surat-surat palsu ataupun apa sahaja rupa bentuk yang palsu akan dapat senang dikesan oleh Pegawai-pegawai Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon telah bercakap tentang passport yang kurang 6 bulan, pihak Imigresen tahan tidak boleh ke luar negeri. Ini yang sebenarnya bukanlah kehendak Imigresen sangat, tetapi ialah kehendak negara yang hendak dituju oleh pembawa passport itu kerana mereka tidak mahu menerima atau memberi visa kepada passport-pasport yang mana tinggal hanya di bawah 6 bulan hendak luput atau mati. Dengan sebab itu untuk lebih selamat, lebih baik diperbaharui kerana kemungkinan menghadapi masalah apabila kita melawat negara luar.

Bercakap tentang lawatan ke negara China mesti lebih 60 tahun, ini perkara yang sebenar sensitif sedikit. Kita bukan tidak mahu timbangkan perkara ini, tetapi kita kena tahu bahawa negeri China sendiri, Kerajaan negeri China dengan Kerajaan Malaysia tidak ada apa-apa. Tetapi Kerajaan negeri China adalah ditadbirkan oleh Parti Komunis China dan Parti Komunis China masih tidak mahu menggugurkan sokongannya kepada Parti Komunis Malaya. Semua kita tahu dalam Dewan ini bagaimana seksanya 12 tahun kita kerana Parti Komunis Malaya.

Ada yang ibu kehilangan anak, isteri kehilangan suami, anak kehilangan bapa, dalam masa 12 tahun. Kita tahu sangat penderitaan dengan kebakaran bas, harta-benda dan sebagainya. Jadi, kalau sekiranya Parti Komunis China masih lagi tidak mahu menggugurkan sokongan mereka kepada Parti Komunis Malaya, maka adalah sukar untuk kita membuat kajian tentang mengurangkan umur untuk pelawat-pelawat melawat negeri Cina. Jadi, ini masalah yang kita hadapi kerana kita tidak mahu bahawa bila kita buat, masalah akan wujud di kalangan rakyat kita sendiri tentang hal ini, kerana orang-orang yang menjadi mangsa daripada kekejaman Parti Komunis Malaya masih hidup, masih ada. Dengan sebab itu, kita menghadapi masalah sedikit dalam hal ini. Bagaimanapun kalau sekiranya ada perubahan daripada Parti Komunis China sendiri, maka perkara ini bolehlah kita kaji dan kita pertimbangkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat yang telah berbahas tentang pindaan Akta ini. Sekiranya saya tertinggal menyebut Ahli-ahli Dewan yang lain, yang sebenarnya telah juga mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1988 ini saya memohon ampun maaf. Walau bagaimanapun, kepada mereka saya turut ucapkan ribuan terima kasih dan segala-galanya akan diambil perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawataakuasa**]

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga hari Isnin, 5hb Disember, 1988, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.